

# **PERSOALAN EPISTEMOLOGI DALAM DISIPLIN LINGUISTIK DAN RELEVANSINYA DENGAN LINGUISTIK MELAYU**

*Awang Sariyan*

## **Abstrak**

Secara kasarnya, ada dua aspek yang selama ini mendapat perhatian peneliti linguistik. Yang pertama ialah aspek teori dan konsep, sementara yang kedua ialah aspek penerapan teori dalam pelbagai subdisiplin linguistik seperti dialektologi, fonetik dan fonologi, semantik, pragmatik, tatabahasa, wacana dan sebagainya. Dengan tidak bermaksud meremehkan dan mengurangkan sumbangan penelitian yang bersifat penerapan teori, penulis berpendapat bahawa penelitian dan pembicaraan yang berkaitan dengan teori dan konsep perlu diberi perhatian yang lebih serius. Hal ini demikian kerana sebahagian masalah dan isu yang timbul dalam upaya penerapan teori berakar daripada masalah teori dan konsep. Kertas kerja ini mengupas salah satu aspek teori dan konsep yang asas dalam disiplin ilmu, termasuk linguistik, iaitu aspek epistemologi. Antara aspek yang diberi perhatian termasuklah hakikat bahasa, teori kelahiran bahasa, sumbangan bahasa dalam pembinaan konsep serta realisasi diri insan dan isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan disiplin linguistik di alam Melayu.

## *Abstract*

*Throughout the development of linguistics from its beginning until today, there are generally two main aspects that are given emphasis by linguists. The first aspect deals with theoretical and conceptual issues, whereas the second focuses on the application of linguistic theories to various sub-disciplines of linguistics, such as dialectology, phonetics and phonology, semantics, pragmatics, grammar, discourse analysis and several others. Without any intention to downgrade or lessen the importance of attention given to the application of theories, I propose that the theoretical and conceptual aspect ought to be given*

*more serious attention and greater effort, especially because some problems and issues emerging in the application of theories are based on theoretical and conceptual issues. This paper discusses one of the fundamental theoretical and conceptual aspects of knowledge, including linguistics, that is epistemology. The discussion also covers the nature and reality of language, the role and contribution of language in the development of human's concept of "self" and its realization and issues related to the development of linguistics in the Malay world.*

## PENDAHULUAN

Dari waktu ke waktu dalam sejarah tamadun manusia, banyak timbul isu dan polemik dalam kalangan ilmuwan tentang hal ehwal yang berkaitan dengan ilmu, baik yang bersifat teoretis mahupun yang bersifat penerapan. Sering berlaku perdebatan tentang teori mana dalam sesuatu bidang ilmu, termasuk dalam bidang linguistik, yang lebih benar atau lebih tepat – adakah teori linguistik tradisional, teori linguistik struktural, teori linguistik generatif ataupun teori linguistik fungsional? Sering juga timbul polemik tentang asas penentuan kesahihan data analisis, sehingga wujud garis pemisah antara data primer dan data sekunder dan wujud pula istilah *data sebenar* dan *data buatan*. Biasa juga kita dengar atau kita baca pembicaraan sesetengah ilmuwan tentang hasil analisis yang objektif dan hasil analisis yang subjektif, yang intuitif atau impresionistik dan yang empiris. Demikian juga, sering sekali timbul polemik tentang preskriptifisme dan deskriptifisme sebagai asas penentuan dapatan dan rumusan penelitian dalam sesuatu bidang ilmu. Kecenderungan yang berlaku dalam kebanyakan polemik ilmiah itu ialah terbinanya dikotomi antara dua konsep atau fahaman yang seolah-olah atau diperlihatkan bertentangan antara satu dengan yang lain.

Pada hemat penulis, terjadinya hal yang sedemikian itu sebenarnya disebabkan ada isu yang lebih asas yang membentuk pola pemikiran dan sikap yang ditandai oleh ciri, antara lainnya:

1. lebih cenderung untuk berkonflik daripada untuk mengusahakan pemaduan antara fahaman (seperti antara preskriptifisme dengan dekskriftifisme);
2. terpengaruh oleh pengasingan atau pemetaikan unsur-unsur tertentu yang pada hakikatnya merupakan suatu kesatuan (seperti sumber ilmu yang disandarkan mutlak pada pancaindera dan sumber lain seperti intuisi dianggap tidak ilmiah);
3. lebih cenderung menghormati dan meraikan sesuatu yang lebih

- baru (teori, konsep dan sebagai) daripada yang sedia ada, sehingga pada peringkat yang ekstrem bidang ilmu diperlakukan seolah-olah sebagai fesyen;
4. kehilangan matlamat yang jelas dan hakiki dalam keasyikan dan zauq melaksanakan kerja ilmiah;
  5. kepercayaan bahawa ilmu berubah terus-menerus dan tiada kebenaran yang pasti.

Isu asas yang menimbulkan fenomena tersebut, pada hemat penulis, berkaitan rapat dengan epistemologi, iaitu cabang dalam falsafah yang berkaitan dengan teori ilmu. Antara yang tercakup dalam epistemologi termasuklah asal atau sumber ilmu, sifat ilmu, kaedah dan had-had ilmu (J. Dancy dan Ernest Sosa, 1993; Muhammad Zainy Uthman, 1998). Memahami epistemologi, yang bersumber daripada tamadun Barat (yang berakar pada zaman Yunani pada abad ke-5 SM lagi) dan juga yang bersumber daripada agama Islam cukup penting supaya para ilmuwan dapat membuat pertimbangan yang jelas atasasnya dalam semua kegiatan ilmiahnya.

Isu yang lebih penting daripada sekadar memahami epistemologi ialah isu mencari arah untuk perkembangan linguistik Melayu yang semestinya perlu memiliki citranya sendiri, meskipun tidak semestinya berlainan sama sekali dengan mana-mana tradisi linguistik di bahagian lain di dunia ini. Yang saya maksudkan bukan pembinaan teori linguistik Melayu yang asal sahaja berbeda daripada teori yang sedia ada atau yang datang dari bahagian lain, Barat khususnya, dan bukan pula suatu angan-angan atau impian untuk bersikap parokial dan taasub wilayah. Yang saya maksudnya ialah perlunya pembinaan suatu kerangka falsafah dan pandangan sarwa yang cocok dengan keperibadian kita di alam Melayu. Kerangka falsafah dan pandangan sarwa itu amat rapat kaitannya dengan epistemologi yang kita jadikan asas dalam mengembangkan ilmu, termasuk dalam disiplin linguistik.

## ASAS EPISTEMOLOGI BARAT

Kenyataan yang tidak dapat ditolak dalam perkembangan kegiatan ilmiah, bahkan dalam hampir seluruh kehidupan manusia ialah besarnya pengaruh kebudayaan Barat, yang mula tumbuh dalam zaman Yunani beberapa abad sebelum Masihi kepada kebudayaan manusia sedunia, termasuk dalam masyarakat Islam. Dapat dikatakan bahawa seluruh bidang ilmu, baik ilmu sains tabii mahupun ilmu sains kemanusiaan disandarkan pada tradisi ilmu Barat, termasuk dalam hal epistemologi. Tradisi ilmu yang kukuh dalam

zaman gemilang Islam, terutama dalam zaman Abbasiyah, sejak diambil alih oleh kebudayaan Barat hampir-hampir tidak kelihatan kesannya dalam perkembangan ilmu di dunia. Hanya sesudah timbul gerakan pengislaman ilmu yang secara nyata bermula pada tahun 1970-an, barulah tampak sedikit perkembangan ilmu yang berasaskan epistemologi dan kerangka falsafah Islam.

Oleh sebab hampir keseluruhan perkembangan ilmu sedunia hingga kini dapat dikatakan berteraskan kerangka falsafah kebudayaan Barat, termasuk aspek epistemologinya, maka ada baiknya lebih dahulu diberikan gambaran secara ringkas inti sari falsafah Barat yang secara langsung mempengaruhi epistemologi dan perkembangan ilmu sedunia.

Falsafah Barat yang diasaskan oleh orang Yunani sejak 600 tahun Sebelum Masihi di Miletus di pantai timur Laut Aegean bertitik tolak daripada semangat untuk memahami alam di sekeliling manusia dan alam dalam diri manusia sendiri (White, 1991:iv). Pada para pemikir Yunani purba, falsafah merupakan bahagian penting kehidupan manusia kerana falsafah berkaitan dengan tiga soal asas, iaitu apakah hakikat alam di sekeliling manusia, bagaimanakah fikiran manusia bekerja, dan apakah jalan mencapai kebahagiaan. Matlamat praktis falsafah ialah memahami isu-isu asas yang berkaitan dengan kehidupan manusia, dengan akal menjadi alat utama untuk melaksanakan penyelidikan falsafah itu. Demikianlah maka sejarah perkembangan falsafah Barat dari zaman kuno yang diwakili oleh orang Yunani ke Zaman Pertengahan, dan kemudian ke zaman moden ditandai oleh kegiatan akal untuk mencari dan memahami hakikat diri dan alam di sekitarnya.

Usaha manusia Barat mencari hakikat itu dapat dilihat dalam bidang yang dikenal sebagai metafizik, epistemologi, etika, logika, dan falsafah politik (White, 1991:13–14). Metafizik yang disebut oleh Aristotle sebagai “falsafah pertama” menggarap isu-isu asas seperti hakikat, kewujudan, kemanusiaan, kebebasan lawan ketentuan, dan sebagainya. Bidang ini dikenal juga sebagai teori hakikat kewujudan. Hal ini sesuai dengan etimologi kata metafizik daripada bahasa Latin (*meta* bererti belakang; oleh itu *metafizik* berkaitan dengan apa-apa yang ada atau dipercayai ada di belakang sesuatu) (Sidi Gazalba, 1974:70).

Epistemologi (daripada kata *episteme* yang bererti ilmu dan *logos* yang bererti kajian atau sains) ialah bidang falsafah yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan konsep-konsep yang berkaitan dengannya. Bidang ini dikenal juga sebagai teori ilmu. Sementara itu, etika yang dikenal sebagai falsafah moral ialah bidang yang berkaitan dengan isu benar, salah, dan

aspek-aspek lain yang berkaitan dengan penilaian tingkah laku manusia. Selanjutnya, logika ialah bidang falsafah yang mengkaji alasan dan struktur hujah, dan menjadi asas setiap penyelidikan falsafah. Akhir sekali, falsafah politik merangkum isu-isu yang timbul dalam kehidupan manusia sebagai anggota masyarakat, termasuk isu kekuasaan politik, utopia, keadilan, dan masalah pengharmonian antara kebebasan dengan tanggungjawab.

Inti sari falsafah Barat yang berkisar di sekitar lima bidang itu tergambar dalam sejarah falsafah Barat dari zaman awal hingga zaman moden. Albert William Levi (1991) membahagi sejarah falsafah Barat kepada empat zaman, iaitu:

- a. falsafah zaman silam atau kuno (Zaman Aristokrat);
- b. falsafah zaman pertengahan (Zaman Paderi);
- c. falsafah zaman moden (Zaman Gentleman);
- d. falsafah kontemporari (Zaman Profesional).

Pembahagian Levi itu membayangkan evolusi falsafah Barat yang bermula dengan peneguhan sistem aristokratik dalam zaman Yunani lalu berkembang kepada penguasaan gereja Roman dalam zaman pertengahan (abad 5–15 M.), dan selanjutnya kepada kemajuan sains dalam zaman moden yang bermula pada abad ke-17.

Menurut analisis Levi (1991:449), keempat-empat zaman itu menayangkan sejarah dan situasi politik, agama, sains, dan semantik yang dilalui oleh masyarakat Barat dari zaman kuno hingga zaman moden. Falsafah zaman kuno yang dicetuskan oleh Plato, yang dianggap oleh Whitehead sebagai pencetus dan pemuka citra falsafah Barat melalui ungkapan “keseluruhan tradisi falsafah Barat ialah siri nota kaki kepada Plato” (Levi, 1991:3), menimbulkan soalan “Bagaimanakah aristokrasi dapat dipulihkan?” Saint Thomas Aquinas yang mewakili zaman falsafah gereja pula menimbulkan soalan “Bagaimanakah gereja Roman dapat mencapai kejayaan?” dalam rangka menyediakan institusi serta ideologi yang memungkinkan tercapainya kemapanan sosial secara teokratik. Selanjutnya, falsafah zaman moden yang diwakili oleh Rene Descartes mengajukan soalan “Bagaimanakah sains dapat berkembang maju dan mencapai kepastian?” sebagai upaya membebaskan falsafah dan pemikiran daripada belenggu paderi ke tangan cendekiawan dengan premis kerjanya berdasarkan kuasa akal dan diri, bukan Tuhan dan ciptaan-Nya.

Bertrand Russell (1993) pula membahagi sejarah falsafah Barat kepada tiga zaman, iaitu:

- a. falsafah purba yang meliputi zaman pra-Socrates (mazhab Miletus, Pythagoras, Heraditus, Parmenides, Empedocles, Anaxygoras, ahli atom, dan Protagoras), zaman Socrates, Plato, dan Aristotle, dan zaman pasca-Aristotle (aliran *cynic* dan *sceptic*, fahaman Epicurus, fahaman Stoik, dan Plotinus);
- b. falsafah Katolik yang meliputi zaman paderi (agama Kristian sepanjang empat abad yang pertama, doktor-doktor gereja, iaitu Saint Arubrose, Saint Jerome, Saint Augustine, dan Pope Gregory) dan zaman ahli mazhab (zaman gelap sistem pemerintahan Paus, John The Scot, pembaruan gereja pada abad ke-11, Saint Thomas Aquinas, mazhab Franciscan, dan zaman gerhana Paus).
- c. falsafah moden dari zaman pembaruan hingga zaman Hume (zaman pembaruan Itali, Machiavelli, Erasmus dan More, islah Katolik, kebangkitan sains, Francis Bacon, Leviathan Hobbes, Descartes, Spinoza, Leibniz, Liberalisme berfalsafah, teori ilmu Locke, falsafah politik Locke, Berkeley, dan Hume) dan dari zaman Rousseau hingga kini (gerakan Romantik, Rousseau, Kant, aliran pemikiran abad ke-19, Hegel, Byron, Schopenhauer, Nietzsche, golongan utilitarian, Karl Marx, Bergson, William James, John Reney, dan falsafah analisis logika).

Zaman falsafah purba yang mengalami ketidaktentuan tentang hal-hal yang berkaitan dengan teologi dan kosmologi bermula dengan ahli-ahli falsafah mazhab Miletus seperti Thales, Anaximender, dan Anaximenes yang spekulasi bersifat saintifik kepada mazhab falsafah di Itali Selatan yang lebih bersifat keagamaan, dengan Pythagoras sebagai pemukanya; kemudian kepada falsafah keagamaan dan politik (ketaatan kepada negara) yang diwakili terutamanya oleh Socrates, Plato, Aristotle di satu pihak dan golongan Stoik (yang lebih mementingkan hubungan roh dengan Tuhan lebih daripada hubungan rakyat dengan negara; dan diakhiri oleh Plotinus yang memulakan metafizik Tritunggal Suci (*Holy Trinity*).

Falsafah Katolik yang menandai tahap kedua evolusi falsafah Barat memperlihatkan konflik antara tugas kepada Tuhan dengan tugas kepada negara dalam bentuk pertentangan antara gereja dengan raja: Pada zaman ini kehidupan intelek diisi oleh kaum paderi. Tempoh keagungan pertama falsafah Katolik dikuasai oleh Saint Augustin sementara tempoh kedua diakhiri oleh Saint Thomas Aquinas. Dari abad ke-4 sehingga abad ke-14, kaum paderi memonopoli falsafah secara mutlak dan dengan itu falsafah ditulis berdasarkan sudut pandangan gereja (Russell, 1993:362).

Tahap ketiga evolusi falsafah Barat, iaitu falsafah moden ditandai oleh kebangkitan sains yang secara nyata dipelopori oleh Rene Descartes yang di samping menjadi ahli falsafah merupakan ahli matematik dan ahli sains juga. Dalam falsafah, perhatian Descartes tertumpu kepada diri individu dan peranan akal, yang diungkapkannya sebagai “*Cogito, ergo sum*” (“saya berfikir kerana itulah diri saya”). Dalam hal pengasasan epistemologi Barat moden, Descartes mengemukakan kaedah kesangsian (kesangsian Cartesian) yang ternyata menjadi asas falsafah ilmu dan perkembangan ilmu orang Barat sehingga kini yang menjelma dalam bentuk fahaman subjektivisme, relativisme, dan bahawa tidak ada kebenaran yang mutlak dan muktamad.

Perbincangan tentang inti sari falsafah Barat yang jauh lebih bererti daripada perbincangan tentang perkembangan evolusi falsafah Barat ialah yang berkaitan dengan hasil kegiatan berfalsafah orang Barat dalam pengutaraan asas pemikiran tertentu yang berpengaruh sebagai kerangka falsafah dan pemikiran umat sedunia, tidak terkecuali umat di dunia Islam. Pemahaman akan kerangka falsafah dan pemikiran Barat yang berpengaruh ini penting dalam konteks membebaskan falsafah dan pemikiran umat Islam daripada kerangka falsafah Barat yang tidak cocok dengan pandangan sarwa atau Weltanschauung Islam. Dalam rangka melaksanakan gagasan pengislaman ilmu, kesedaran dan pemahaman akan kerangka falsafah Barat yang dominan dalam perkembangan ilmu dan sistem pendidikan umat Islam perlu dijadikan titik tolak strategi. Demikianlah, falsafah bahasa yang menjadi tumpuan pembicaraan ini sebagai bahagian falsafah yang penting memerlukan orientasi semula dengan lebih dahulu mengenal pasti falsafah bahasa yang berasaskan kerangka falsafah Barat.

Hasil langsung kegiatan berfalsafah orang Barat dalam konteks pembinaan kerangka falsafah dan pemikiran yang mendasari segala kegiatan intelektual dan ilmiah sehingga kini ialah munculnya fahaman rasionalisme, empirisisme, dan positivisme. Rasionalisme dan empirisisme menjadi dua paksi asas ilmu yang berada pada dua ekstrem dalam tradisi ilmiah Barat, sehingga tidak ada ilmu yang dibincangkan dengan tidak berasas atau bersandar pada dikotomi salah satu fahaman itu. Sementara itu, positivisme merupakan suatu bentuk empirisisme tulen (*pure empiricism*) yang bermula dengan pengalaman sebagai asas ilmu tetapi sesudah memperoleh teori dan kaedah tertentu persoalan metafizik tidak dianggap penting lagi (Alparslan, 1994:8).

Rasionalisme ialah fahaman bahawa sekurang-kurangnya sebahagian ilmu manusia bersumber daripada akal tanpa bantuan deria, dan oleh itu

manusia dapat mengetahui sesuatu yang tidak dapat dinyatakan oleh deria (Wolff, 1992:29). Bibit fahaman ini telah bermula pada zaman Plato sehingga beliau disebut sebagai orang yang pertama dalam sejarah yang berusaha memberikan penerangan yang sistematik tentang struktur akal atau mental (Hase, 1992:91). Beliaulah yang mempelopori doktrin bahawa "... tidak ada apa-apa yang wajar disebut "pengetahuan" yang dapat diperoleh daripada deria, dan bahawa pengetahuan yang sebenarnya berkaitan dengan konsep" (Russell, 1993:182). Dalam teori ideanya, Plato membedakan pengetahuan daripada pendapat, dengan menegaskan bahawa pengetahuan tidak mungkin salah, sedang pendapat mungkin saja salah. Satu lagi aspek penting teori idea Plato ialah bahawa sesuatu yang ketara (*apparent*) hanya merupakan tanggapan yang berasaskan idea atau bentuk unggul. Dengan kata-kata lain Plato mendasarkan tanggapan tentang sesuatu pada konsep. White (1991:337–341) merumuskan rasionalisme Plato sebagai yang berikut:

- a. Terdapat persamaan dan pertalian antara falsafah dengan matematik dalam mencapai kebenaran;
- b. Selain alam fizikal yang dapat ditanggap oleh indera, ada dimensi lain tentang hakikat yang dapat ditanggap hanya oleh akal;
- c. Alam tampak penuh dengan objek-objek matematik yang disebut Plato *bentuk-bentuk*. *Bentuk* sukar dinyatakan dengan beberapa patah kata kerana sifatnya yang bukan benda, model unggul sesuatu yang wujud, dan abstrak. Bentuk mewakili bukan saja benda konkret bahkan juga sifat seperti keadilan, kecantikan, dan kebaikan;
- d. Ilmu tentang *bentuk* merupakan sebenar-benarnya ilmu dan ilmu ini hanya dapat diperoleh oleh akal. Maklumat yang diperoleh oleh deria rendah martabatnya kerana bersifat sementara dan berubah terus, sedang ilmu daripada akal memenuhi ciri kebenaran (*truth*), kekekalan (*permanence*), kemantapan (*stability*), ketahanan (*duration*), dan ketentuan (*certainty*).

Rasionalisme mendapat garapan yang lebih mendalam, sistematis, dan utuh di tangan Rene Descartes (1596–1650 M.) pemuka falsafah moden Barat, khususnya yang berkaitan dengan konsep ilmu, sehingga epistemologi atau teori ilmu terangkat menjadi tumpuan kajian falsafah (White, 1991: 341). Pendekatan Descartes menjadi ikutan sejumlah ahli falsafah ternama dalam pemecahan soal bagaimana akal manusia bekerja sebagai alat yang menghasilkan ilmu. Pendekatan Descartes yang mempengaruhi sebilangan

ahli falsafah Barat dikenal sebagai “Kesangsian Radikal” (*Radical Doubt*). Kata *radikal* merujuk kepada kesangsian yang asas dan juga yang ekstrem, kerana bagi Descartes, kebenaran mestilah pasti dan tidak goyah. Tidak boleh ada sama sekali kesangsian, walaupun sedikit, dalam akal; sesuatu idea perlu ditolak jika timbul kesangsian (White, 1991:342).

Sebagai lawan rasionalisme yang berteraskan akal, empirisisme ialah fahaman yang menegaskan bahawa semua pengetahuan manusia bersumber daripada bukti atau pengalaman deria yang lima, dan bukan hasil operasi akal (Wolff, 1992:29 dan White, 1991:348). Kalau babit rasionalisme telah tersemai sejak Plato, maka babit empirisisme telah bermula lima abad Sebelum Masihi juga, iaitu pada zaman Aristotle apabila timbul ungkapan “Tidak ada yang dapat difahami kalau tidak terlebih dulu kita tangkap dengan pancaindera” (Scruton, 1989:18). Gagasan Aristotle kemudian mempengaruhi falsafah pada Zaman Paderi selama dua abad (abad ke-11 dan 12 M) dengan tokohnya yang terkenal ialah Saint Thomas Aquinas. Dalam zaman falsafah moden Barat, fahaman itu digarap dengan lebih mendalam dan sistematis oleh John Locke (1632–1704 M) dan ahli-ahli falsafah yang sealiran dengannya.

Dua rukun empirisisme ialah:

- a. Ilmu datang melalui deria;
- b. Fakta mesti dapat diperhatikan dan diuji (*observable and testable*). Pemerhatian yang tidak memenuhi dua ciri ini dianggap palsu dan bukan ilmu yang tulen.

(White, 1991:348)

Golongan empiris menolak pegangan golongan rasionalis atas dasar bahawa ilmu yang berdasarkan pendekatan rasional tidak memberikan sesuatu yang baru, sebaliknya ilmu empiris menghasilkan sesuatu yang belum diketahui sebelumnya.

Asas yang membedakan kedua-dua pendekatan itu ialah bahawa golongan rasionalis menghasilkan penyataan analitis (*analytic statements*) sementara golongan empiris menghasilkan penyataan sintesis (*synthetic statements*) (White, 1991:348–350). Yang dimaksudkan penyataan analitis ialah penyataan yang memberikan sifat kepada sesuatu dan bahawa sifat itu sedia implisit dalam takrif objek atau konsep itu, misalnya “satu segi sama mempunyai empat sisi” atau “Orang bujang ialah orang yang belum kahwin”. Penyataan sintesis pula memberikan sifat kepada sesuatu, tetapi sifat itu di luar takrif benda atau konsep yang berkenaan, misalnya “Kertas ini putih”, dengan sifat *putih* bukan sifat yang sedia terkandung dalam takrif

kertas (kerana kertas dapat berbagai-bagai warnanya).

John Locke, ahli falsafah Inggeris yang terkenal dengan Teori Perjanjian Masyarakat (*Social Contract*) menolak gagasan bahawa akal dapat menanggap pati semesta yang tidak nyata dan bahawa akal telah dilengkapi idea nurani (*innate ideas*), kerana menurutnya akal tidak lain daripada sehelai kertas kosong yang kemudian menerima tulisan ilmu dari dunia di luarnya. Setiap sesuatu yang ada dalam akal ialah hasil pengamatan (dengan deria) atau refleksi (pemikiran tentang pengamatan). Pandangan Locke ini diperkuuh oleh seorang lagi ahli empirisme David Hume yang percaya bahawa objek-objek di dunia menghasilkan kesan (*impressions*) dalam akal yang jika berkekalan menjadi idea (White, 1991: 351). Kesan rasionalisme dan empirisme dalam konteks falsafah bahasa dan pendidikan bahasa akan dihuraikan kemudian.

## ASAS EPISTEMOLOGI ISLAM

Epistemologi Islam dapat difahami dengan mendalaminya bidang falsafah Islam kerana epistemologi merupakan salah satu bahagian kajian falsafah. Istilah *falsafah Islam* membangkitkan kontroversi dalam kalangan sesetengah sarjana Islam, khususnya yang bersangkutan dengan etimologi kata *falsafah* itu sendiri dan juga kandungan bidang itu. Kedua-dua isu yang menimbulkan kontroversi itu saling berkaitan. Sebagaimana yang telah diuraikan lebih awal, kata *falsafah* dalam bahasa Arab merupakan kata serapan daripada bahasa Yunani *philosophia* yang bererti ‘cinta akan hikmat atau kebijaksanaan’. Tradisi falsafah Yunani yang menjadi tunjang falsafah Barat memancarkan pandangan hidup orang Yunani dalam aspek teologi, kosmologi, dan etika atau aksiologi yang menurut pandangan Islam merabara dan senantiasa dalam pencarian yang tidak berkesudahan. Ketidakserasan konsep falsafah Yunani yang lebih disebabkan oleh kandungannya yang bertentangan dengan asas-asas akidah Islam dalam beberapa hal (seperti yang akan diuraikan kelak) menyebabkan timbul keberatan pada sebilangan sarjana Islam untuk menerima istilah *falsafah Islam*.

M. Saeed Sheikh (lihat Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994: 7), misalnya, dengan tegas membedakan istilah *falsafah Muslim* daripada *falsafah Islam*. Falsafah Muslim mungkin saja bersifat tidak Islam apabila, misalnya, ahli-ahli falsafah yang beragama Islam berusaha menyesuaikan falsafah mereka dengan falsafah yang berakar umbi dalam kebudayaan Barat. Demikianlah, citra falsafah yang disebut falsafah Islam pada peringkat

awalnya memang ditandai oleh upaya menerapkan falsafah Yunani, khususnya Platonisme, Neo-Platonisme, dan Aristotelisme. Inilah yang diusahakan oleh tokoh-tokoh yang dikenal dalam sejarah sebagai *falsafah*, iaitu ahli falsafah Islam, misalnya al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, dan Ibn Rushd (Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994:1–2; Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993:3–6; Shariff, M.M. 1992), sedang falsafah yang dikembangkan dengan berdasarkan falsafah Yunani itu dipertikaikan, ditolak, atau malah dikafirkan oleh setengah-tengah sarjana Islam. Tokoh yang paling keras menganggap falsafah yang berdasarkan falsafah Yunani itu sebagai sesat ialah al-Ghazali (1058–1110 M) yang melalui karya seperti *Tahafut al-Falasifah (Kekacauan Ahli Falsafah)* dan *Al-Munqidh Min al-Dalal (Pembendung Kesesatan)* memperlihatkan asas-asas kesesatan aliran falsafah itu (lihat Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993: Pendahuluan dan 3–6). Dalam *Tahafut al-Falasifah* Al-Ghazali mengemukakan 20 kesalahan akidah dalam falsafah yang dianut oleh al-Farabi dan Ibn Sina, serta ahli-ahli falsafah yang lain, dan tiga yang paling besar ialah:

- a. Alam ini qadim dan azali;
- b. Allah hanya mengetahui perkara-perkara yang umum atau universal (*al-kulliyat*) dan tidak mengetahui perkara-perkara yang khusus (*al-juz'iyat*);
- c. Jasad manusia tidak dibangkitkan semula pada hari kiamat; hanya roh yang akan menerima pembalasan.

(Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994:2  
dan Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993:17)

Jelas bahawa yang menjadi keberatan sarjana-sarjana Islam yang berusaha menjaga kemurnian akidah dan syariah Islam ialah aliran falsafah yang bernaфaskan falsafah Yunani, sehingga falsafah sedemikian menurut M. Saeed Sheikh hanya layak disebut falsafah Muslim kerana kebetulan dikembangkan oleh ahli-ahli falsafah yang menganut agama Islam, tetapi belum mencapai konsep falsafah Islam. Apakah falsafah Islam? Menurut M. Saeed Sheikh, falsafah Islam mesti ditakrifkan sebagai upaya menterjemahkan dan membina semula pelbagai wawasan metafizik yang terdapat dalam al-Quran dengan menggunakan bahasa dan gaya falsafah yang tidak terdapat di dalamnya sebarang unsur muhibah terhadap sesuatu yang tidak Islam (Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994:7–8).

Dengan lebih mendalam, Alparslan (1994) mentakrifkan konsep falsafah Islam sebagai “konsep saintifik yang muncul daripada pandangan hidup

Islam, tetapi sebagai unjuran daripadanya, secara langsung melalui skema konsep saintifik Islam". Berasaskan takrif tersebut, beliau menggariskan tiga faktor yang mencirikan konsep falsafah Islam, iaitu:

- a. pandangan hidup Islam sebagai perspektif yang seluas-luasnya dan sebagai asas falsafah;
- b. skema konseptual saintifik sebagai asas yang bersifat langsung dan rapat, yang dengannya ahli falsafah melaksanakan kegiatan-kegiatannya;
- c. kegiatan falsafah itu sendiri yang dilaksanakan melalui istilah-istilah khusus yang disebut *skema konsep saintifik yang khusus*.

Faktor pertama, iaitu pandangan hidup merupakan suasana latar bagi kewujudan falsafah Islam. Pandangan hidup Islam yang melatari falsafah Islam dirumuskan oleh al-Attas (1978: 41–42) melalui konsep pengislaman sebagai pembebasan manusia daripada kekangan tahayul, dongeng, animisme, tradisi budaya peribumi, dan sekularisme terhadap akal dan bahasanya. Oleh itu, segala kegiatan saintifik falsafah terlaksana dalam lingkungan suasana latar yang berdasarkan pandangan hidup tersebut. Faktor kedua, iaitu skema konsep saintifik dikenal sebagai "konteks" falsafah Islam. Tatanama yang dihasilkan oleh sarjana Islam dengan berlandaskan pandangan hidup Islam melahirkan skema konsep saintifik Islam yang berbeda daripada skema konsep saintifik Barat. Mana-mana kegiatan falsafah yang tidak berdasarkan skema konsep saintifik Islam tidak dapat diterima sebagai hasil falsafah Islam. Antara skema konsep saintifik Islam yang penting termasuklah konsep ilmu, kebenaran, sains, penyataan saintifik, teori, dan kaedah (Alparslan, 1994: 27). Akhirnya, faktor ketiga, iaitu skema konsep saintifik yang khusus ialah hasil penyelidikan sarjana dalam bidang masing-masing yang bersifat khusus untuk bidang ilmu yang tertentu, tetapi kesemuanya tetap dalam kerangka pandangan hidup dan skema konsep saintifik Islam tadi. Sebagai contoh, konsep-konsep dalam disiplin sains tabii mungkin berlainan daripada konsep-konsep dalam sains sosial; namun kelainan itu semata-mata bersebab daripada kelainan bidang tetapi tetap berdasarkan skema konsep saintifik yang sama dalam hal ilmu, kebenaran, keadilan, teori, kaedah dan sebagainya.

Sejajar dengan kenyataan bahawa pandangan hidup Islam melatari falsafah Islam, Seyyed Hossein Nasr (1989) menegaskan ciri falsafah Islam sebagai suatu ilmu tabii yang merujuk serta berdasar pada tauhid sebagai doktrin induknya. Dengan sendirinya falsafah yang berlandaskan skeptisisme atau kesangsian yang menjadi kegiatan ego diri manusia untuk

melampaui ilmu Tuhan tidak dapat diterima sebagai falsafah Islam. Bahkan tafsiran “keislaman” ahli falsafah Muslim yang jelas terjerat oleh falsafah Barat seperti yang dilakukan oleh Iqbal, menurut S.H. Nasr masih tetap di luar konsep falsafah Islam (Nasr, 1989:4). Senario falsafah menurut perspektif Islam tidak sesuai lagi disempitkan kepada konsep falsafah yang diamalkan oleh orang Yunani atau ahli-ahli falsafah Barat moden seperti Descartes, Leibnitz, Locke, Hume, Kant, dan Hegel, ataupun falsafah yang melahirkan aliran pemikiran eksistensialisme, positivisme, dan mekanisme.

Bahkan falsafah Islam yang sering dikaitkan dengan Ibn Sina dan al-Farabi itu pun belum sesungguhnya memenuhi konsep falsafah Islam sejati. Seperti kata Mahsin Mahdi (lihat Zakaria Stapa dalam Ibrahim Bakar, 1994: 9–10), falsafah Islam yang berasalusulkan tradisi Yunani sudah berupa suatu persoalan sampingan saja; pelbagai gantian telah dikemukakan sebagai pilihan yang lebih baik untuk mengisi falsafah Islam, iaitu teologi Islam, perundang-undangan Islam, tasawuf Islam, dan sebagainya sehingga sekalian mutakalimin (ahli ilmu kalam atau teologi), ahli sufi, fukaha, muhadithun (ahli hadis) merupakan pemikir yang sah untuk digelar sebagai ahli falsafah Islam. Seyyed Hossein Nasr (1987:3–4 dan 21–25) memperkuuh pandangan itu dengan mengungkapkan bahawa yang difahami sebagai falsafah itu bukan semata-mata *falsafah* menurut perspektif Barat, bahkan wujud juga dalam segala ilmu Islam yang lain seperti tafsir, hadis, kalam, usul fikah, tasawuf, sains tabii, matematik, kosmologi, kesenian, psikologi, sains sosial, dan sains politik. Sesungguhnya konsep falsafah yang difahami umum, iaitu falsafah menurut kerangka atau skema pemikiran Barat itu merupakan kesan gerakan orientalisme yang menyemaikan kepercayaan melalui bidang ilmiah dengan teori kebangsaan<sup>12</sup> bahawa Islam tidak mampu melahirkan ilmu falsafahnya sendiri melainkan mencedok falsafah tradisi Yunani (Mahmud Hamdi Zaqquz, 1989:84–89).

Daripada sudut penggunaan akal sebagai asas berfalsafah, tidak ada agama mana pun yang meletakkan akal manusia begitu tinggi kecuali agama Islam (Mahmud Hamdi Zaqquz, 1989: 86). Allah memuliakan manusia dan melebihkannya daripada makhluk-Nya yang lain dengan mengurniakan akal. Agama Islam meletakkan akal sebagai asas akidah dan pertanggungjawaban manusia. Mengabaikan penggunaan akal dianggap sebagai satu kesalahan atau satu dosa. Hal ini ditegaskan dalam al-Quran *Surah al-Mulk*, ayat 10–11 Jelas bahawa al-Quran menyeru manusia supaya menggunakan akal fikirannya dan hal ini akan dihisab kelak, sesuai dengan penegasan al-Quran dalam *Surah al-Isra'*, ayat 36.

Dengan tegas Islam menolak taklid secara melulu dan sebaliknya

mewajibkan penggunaan akal fikiran dalam segala hal yang bersangkutan dengan akidah dan syariah Rasulullah s.a.w. menurut riwayat al-Tarmizi bersabda, "Jangan kamu menjadi pengikut buta." Dalam konteks inilah Taha Jabir al-Alwani (1993) menegaskan ijtihad sebagai keperluan mutlak dalam memastikan kelangsungan hidup syiar Islam. Di samping itu, Islam menolak segala bentuk khurafat, sihir, tilik-menilik, dan segala perbuatan yang tidak bersandar pada akal yang terpimpin. Inilah asas yang memungkinkan terbentuknya tamadun dan pemikiran Islam yang menurut al-Attas berasaskan intelektualisme dan rasionalisme (1965, 1972, dan 1979).

Dalam konteks pengembangan falsafah sebagai suatu disiplin ilmu, al-Quran menyeru manusia menyelidik sekalian yang ada di langit dan di bumi serta yang ada pada diri manusia sendiri untuk mengenal hakikat kebenaran. Dalam konteks pembicaraan ini, bahasa sebagai bahagian penting diri manusia merupakan sesuatu yang perlu dikaji untuk mencapai pengenalan tentang kekuasaan dan keperkasaan Tuhan. Salah satu ayat al-Quran yang berkaitan dengan hal ini terdapat dalam *Surah Fussilat* ayat 53. Jika kita pertalikan persoalan pokok yang digarap oleh ahli-ahli falsafah sejak zaman awal, iaitu yang berfokus pada hakikat alam dan hakikat diri, jelas bahawa Islam memang menganjurkan penelitian yang sedemikian.

Berkaitan dengan doktrin falsafah, al-Quran menyajikan aspek-aspek yang sempurna, iaitu meliputi hal ehwal duniawi dan hal ehwal ukhrawi. M.M. Shariff (1994) dalam kupasannya tentang doktrin falsafah dalam al-Quran menggariskan aspek-aspek yang berikut:

- a. Hakikat muktamad (Allah dan sifat-sifat-Nya).
- b. Tuhan dan alam.
- c. Hubungan Tuhan dengan manusia.
- d. Hakikat roh.
- e. Teori ilmu (epistemologi).
- f. Kuasa manusia.
- g. Kebebasan manusia.
- h. Perihal mati.
- i. Hidup sesudah mati.

Jelas bahawa cakupan falsafah Islam tidak terkeluar daripada perkara-perkara dasar yang berkaitan dengan akidah. Inilah yang membedakan falsafah Islam daripada falsafah Barat.

Khusus tentang epistemologi Islam, beberapa prinsip yang penting tentang ilmu dapat dirumuskan daripada huraian Jurjani dalam kitabnya *Ta'rifat* (Muhammad Zainy Uthman, 1989) seperti yang berikut:

1. Ilmu didasarkan pada pegangan (iktikad) yang teguh bertepatan dengan hakikat.
2. Tibanya rupa sesuatu pada akal (al-Attas mengungkapkannya sebagai “ketibaan makna pada diri”).
3. Ilmu merupakan suatu sifat yang ada pada diri manusia yang membolehkannya mendapat dan mengenal kulliyat dan juz‘iyyat.

Tentang sumber ilmu pula, kitab *Aqaid al-Nasafi* yang menjadi sumber rujukan utama Ahli al-sunah Waljamaah menetapkan tiga sumber utama ilmu, iaitu pancaindera yang lima, khabar yang sadik atau benar dan akal. Jelas bahawa menurut epistemologi Islam, asas untuk merumuskan sesuatu ilmu (termasuk dapatan dan analisis kajian) tidak disandarkan semata-mata pada pancaindera sebagaimana yang begitu ditekankan dalam epistemologi Barat.

## **IMPLIKASI EPISTEMOLOGI BARAT TERHADAP LINGUISTIK**

Implikasi epistemologi Barat terhadap teori, konsep-konsep, kaedah dan matlamat linguistik dan bahasa memang cukup ketara. Linguistik Melayu yang pada asasnya bersumberkan linguistik Barat tidak terlepas daripada mendukung dan mengembangkannya, sama ada dalam bentuk kuliah, tulisan mahupun kajian. Secara kasar, implikasi epistemologi Barat terhadap linguistik dan bahasa dapat dilihat dalam bentuk peralihan daripada suatu kerangka pemikiran dan teori bahasa kepada suatu kerangka dan teori bahasa yang lain, sehingga terlihat suatu siri peralihan yang secara langsung mewujudkan paradigma-paradigma yang berbeda dan sekali gus bertentangan antara satu dengan yang lain. Siri peralihan kerangka pemikiran dan teori bahasa yang mengakibatkan berlakunya peralihan paradigma dalam pendidikan bahasa dapat dirumuskan sebagai yang berikut:

- a. Tahap pertama – peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori linguistik tradisional kepada teori linguistik struktur;
- b. Tahap kedua – peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori linguistik struktur kepada kerangka pemikiran dan teori linguistik rasionalis atau mentalis;
- c. Tahap ketiga – peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori linguistik rasionalis kepada kerangka pemikiran dan teori linguistik fungsional.

Ketiga-tiga tahap itu digariskan dengan berasaskan faktor kronologi, dengan tidak pula menafikan bahawa peralihan paradigma itu dapat juga berupa kontroversi yang berlaku sepanjang zaman. Dengan perkataan lain, pada tahap pertentangan pendapat memuncak antara golongan rasionalis dengan golongan fungsionalis, kontroversi antara golongan tradisionalis dengan golongan strukturalis-behavioris dan kontroversi antara golongan strukturalis-behavioris dengan golongan mentalis-nativis berlaku terus.

Kontroversi antara golongan tradisionalis dengan golongan strukturalis berpaksi pada perbedaan asas atau premis yang digunakan. Sementara golongan tradisionalis berpegang pada orientasi humanistik, golongan strukturalis berpegang pada orientasi empiris (Dineen, 1967:166). Enam ciri perbedaan antara kedua-dua golongan itu sebagaimana yang dirumuskan oleh F.P. Dineen ialah:

- a. Tradisionalis menggunakan dasar makna untuk mentakrifkan kelas-kelas dan untuk menentukan rumus-rumus tatabahasa, dan dengan demikian uraiannya dianggap bersifat subjektif. Strukturalis menumpukan perhatian pada analisis struktur fonologi, morfologi, dan sintaksis yang dianggap bersifat objektif.
- b. Tradisionalis menekankan aspek logika bahasa dengan berusaha menentukan sebab-musabab fitur-fitur tatabahasa yang tertentu terjadi dan bagaimana fitur-fitur itu patut berperanan. Strukturalis pula hanya memaparkan fakta-fakta bahasa yang dapat diperlihatkan tanpa membuat penjelasan tentang sesuatu yang mungkin ada di balik fakta-fakta itu.
- c. Tradisionalis tidak mempunyai hierarki yang jelas dalam menangani kes kelas kata yang bertindan lalu menganggapnya sebagai kekecualian atau ‘difahami sebagai ...’, atau ‘digunakan pada tempat ...’, sedang strukturalis menangani kes tersebut berdasarkan peringkat analisis, iaitu peringkat morfologi atau sintaksis.
- d. Tradisionalis terikat oleh sejarah dan kebudayaan asal yang memulakan tradisinya, iaitu sejarah kebudayaan Yunani yang kemudian disambung oleh Rumawi, tradisi Zaman Pertengahan, dan pemikir-pemikir abad ke-18, yang kesemuanya melihat bahasa dalam konteks falsafah, logika, psikologi, dan metafizika. Strukturalis pula berusaha membebaskan diri mereka daripada faktor-faktor tersebut dan melihat bahasa sebagaimana adanya.
- e. Golongan tradisionalis menggunakan ayat penyata sebagai asas

untuk mentakrifkan kelas kata dan ayat, dan ayat-ayat lain dianggap bentuk yang lahir daripada ayat tersebut melalui proses psikologi. Sebaliknya strukturalis mengkaji semua ujaran untuk menghuraikan ciri-ciri yang berbeda bagi bentuk-bentuk yang berlainan dan tidak menganggap adanya proses psikologi yang menerbitkan ayat-ayat lain daripada ayat-ayat penyata.

- f. Golongan tradisionalis mendakwa bahawa golongan sturkturalis tidak memberikan penjelasan tentang bahasa, tidak menghasilkan tatabahasa, menghilangkan ciri kemanusiaan dalam pengkajian bahasa, tidak membedakan penggunaan bahasa manusia daripada komunikasi haiwan, dan terlalu menekankan perbedaan-perbedaan antara bahasa-bahasa untuk sengaja melindungkan persamaan-persamaan yang lebih banyak. Golongan sturkturalis menyerang balas golongan tradisionalis dengan mendakwa bahawa mereka memberikan penjelasan semu tentang ujaran-ujaran terpilih untuk membenarkan rumus-rumus tertentu, menyebut bahawa ujaran yang tidak sesuai dengan rumus sebagai ungkapan, kekecualian, atau tidak gramatis, membuat andaian-andaian awal untuk menghuraikan bahasa, menghasilkan tatabahasa yang tidak pernah sempurna kerana tidak memeriksa andaian-andaian awal tadi, mencampuradukkan kriteria semantik, morfologi, dan sintaksis tanpa kaedah yang tekal, memulakan pemerhatian pada makna dan bukan pada isyarat-isyarat atau lambang-lambang makna (bentuk), dan tidak menerima hakikat kelainan sistem antara pelbagai bahasa.

Jelas bahawa sanggahan golongan strukturalis terhadap golongan tradisionalis berasas pada beberapa hal pokok, iaitu huraian bahasa yang berdasar pada falsafah (terutama logika), semantik (yang menimbulkan istilah *tatabahasa nosional*), dan kerangka bahasa sejagat, serta sikap preskriptif mereka. Kontroversi tradisionalis-strukturalis ini bererti juga pertentangan antara rasionalis atau mentalisme awal dengan empirisisme atau mekanisme, iaitu dua paksi yang menandai pertembungan pemikiran Barat.

Sesudah berlangsung tahap pertama kontroversi tradisionalis-strukturalis itu (walaupun tahap tersebut tidak boleh dikatakan telah berakhir), muncul pula kontroversi tahap kedua, iaitu antara golongan rasionalis-mentalitis angkatan baharu dengan golongan strukturalis-empiris. Yang dimaksudkan golongan rasionalis-mentalitis angkatan baharu itu ialah

golongan yang memperlihatkan adanya pengaruh linguistik tradisional pada gagasan-gagasan tertentu (seperti gagasan kesejagatan dan pendekatan falsafah) tetapi lebih menjuruskan perhatian pada hakikat bahasa sebagai proses akal, pengembangan keupayaan yang ternurani, kreativiti, dan keupayaan berbahasa yang hakiki (sebagai lawan pelaksanaan bahasa). Bagi K.C. Diller (1978), kontroversi ini merupakan kontroversi yang paling hebat dan utama dalam konteks teori pemerolehan bahasa.

Perbedaan-perbedaan asas antara kedua-dua golongan ini berasas pada perspektif yang berbeda tentang hakikat bahasa dan bagaimana bahasa diperoleh. William Moulton (1961), dalam pembicaraannya tentang pembaharuan yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa struktur Amerika pada tahun 1940-an dan 1950-an terhadap bidang pendidikan bahasa, merumuskan prinsip-prinsip pokok golongan strukturalis dalam bentuk lima slogan yang berikut:

- a. "Bahasa ialah pertuturan, bukan tulisan."
- b. "Bahasa merupakan suatu himpunan kebiasaan."
- c. "Ajarkanlah bahasa, bukan tentang bahasa."
- d. "Bahasa ialah apa-apa yang dituturkan oleh penutur jatinya, bukan apa-apa yang sepatutnya dituturkan."
- e. "Bahasa berbeda-beda."

Kelima-lima slogan itu menjadi premis kerja strukturalis sebagaimana yang ditegaskan oleh tokoh-tokoh utamanya seperti Jespersen (1904), Palmer (1917 dan 1921), Bloomfield (1942), O'Connor dan Twaddell (1960), Anthony (1963), Bolinger *et al.* (1963), Lado (1964), Rivers (1964), Brooks (1964), dan H.B. Allen (1965).

Slogan pertama yang menekankan hakikat bahasa sebagai pertuturan bertitik tolak daripada pembahagian *langue* dan *parole* oleh de Saussure yang menjadi pemuka linguistik struktur, walaupun de Saussure tidak menyarankan pembatasan kajian bahasa pada *parole* atau pertuturan yang merupakan bentuk konkrit bahasa. Ahli-ahli linguistik struktur yang menumpukan perhatian pada *parole* sebagai "tanda-tanda tampak yang konkrit" (pertuturan) ini menamai gejala bahasa tersebut sebagai *neo-Saussurean axiom*, dengan prinsip bahawa "teks menandai strukturnya sendiri" dan tidak ada sesuatu yang tersembunyi di balik teks itu (Joos, 1961:17). Dengan perkataan lain, bahasa ditanggap sebagai sehimpunan tanda-tanda tampak konkrit dalam bentuk bunyi-bunyi yang disusun menjadi pertuturan. Inilah asas yang menyebabkan tumpuan perhatian pendidikan bahasa yang disarankan oleh golongan ini berpusat pada bahasa lisan dan

fonologi sebagai komponen yang utama (Diller, 1978:13).

Daripada segi pengajaran bahasa, pertuturan menjadi asas untuk memungkinkan peniruan dalam proses membentuk kebiasaan berbahasa kerana pertuturan dapat ditangkap dengan cepat dan langsung melalui pendengaran. Pentingnya pertuturan untuk membentuk kebiasaan berbahasa ini diungkapkan oleh Hockett (1958:425) dengan kata-kata “setiap masa seseorang bertutur, ia sebenarnya meniru atau beranalogi.”

Diller (1978:11) dalam sanggahannya terhadap slogan yang menyempitkan hakikat bahasa hanya sebagai pertuturan menggunakan penemuan Lenneberg (1967) yang menunjukkan bagaimana budak lelaki bisu mampu mempelajari bahasa Inggeris. Ia mampu mengambil pesanan daripada alat perakam dan kemudian belajar membaca. Kes yang dikemukakan oleh Lenneberg ini dijadikan hujah oleh golongan rasionalis-mentalitis bahawa bahasa pada asasnya ialah persoalan akal dan aktiviti akal, bukan peniruan dan pembentukan kebiasaan semata-mata.

Slogan kedua, selaras dengan penolakan strukturalis-empiris terhadap soal ilmu dan akal dalam pembicaraan mereka tentang bahasa, mengandaikan bahasa sebagai sehimpunan kebiasaan yang diperoleh atau dikuasai oleh manusia melalui proses pelaziman. B.F. Skinner merupakan tokoh behaviorisme yang ekstrem kerana menyamakan pemerolehan tingkah laku kebahasaan dengan pemerolehan tingkah laku haiwan. Bloomfield (1914:14) pun pernah membuat kesimpulan bahawa bahasa manusia tidak terlalu berbeda daripada bahasa haiwan. Implikasinya terhadap pendidikan bahasa ialah bahawa manusia tidak perlu mempelajari sistem abstrak dalam bentuk rumus-rumus bahasa yang mempertalikan pertuturan dengan struktur dalaman (makna). Manusia diandaikan dapat berbahasa dengan mengajuk dan beranalogi. Inilah asas yang menimbulkan kaedah mim-mem (*mimicry and memorization*) dan latih tubi pola (*pattern drill*) (Diller, 1978:15).

Slogan ini bertentangan sama sekali dengan pegangan golongan rasionalis yang mempercayai bahawa setiap manusia yang normal memiliki alat pemerolehan bahasa (APB/LAD) yang ternurani dan oleh itu mempelajari bahasa dengan bantuan alat ini, bukan dengan peniruan dan hafalan. Dengan demikian, sementara golongan strukturalis-empiris mengajukan pemerolehan bahasa yang mekanis sifatnya, golongan rasionalis menimbulkan inspirasi kelahiran kaedah kod kognitif dalam pendidikan bahasa.

Slogan ketiga menegaskan pandangan strukturalis-empiris bahawa pengajaran bahasa hendaklah bermatlamatkan “keupayaan bercakap dalam sesuatu bahasa”, bukan “keupayaan bercakap tentang bahasa itu”. Dengan

perkataan lain, yang penting ialah penguasaan pertuturan, bukan penguasaan rumus di balik pertuturan itu. Twaddell (1948:77–78), misalnya, menegaskan bahawa rumus bahasa hanya rumusan atau ringkasan tentang kebiasaan bahasa dan kebiasaan (pertuturan) itulah yang merupakan hakikat bahasa. Slogan ini bertentangan dengan matlamat kajian golongan rasionalis yang bukan sekadar melihat pelaksanaan bahasa bahkan juga keupayaan bahasa yang diwakili oleh wujudnya sehimpunan rumus-rumus yang memungkinkan terbentuknya bentuk-bentuk bahasa yang tidak terbatas jumlahnya.

Slogan keempat membayangkan pendapat golongan strukturalis-empiris bahawa soal salah betul tidak timbul kerana penutur jati dianggap tidak mungkin melakukan kesalahan. Sebagaimana kata Moulton (1961:89), penutur jati sentiasa betul dan untuk pengajaran bahasa asing ia menyarankan agar pelajar meniru bahasa penutur jati. Dengan demikian gagasan keupayaan bahasa sebagai lawan pelaksanaan bahasa yang dikemukakan oleh Chomsky dianggap tidak wujud. Demikian juga pembahagian adanya bentuk bahasa yang gramatis dan yang tidak gramatis dianggap tidak relevan. Soal ini nyata sekali bertentangan dengan soal pemilihan dan penekanan terhadap ragam bahasa baku sebagai ragam bahasa yang diutamakan dalam pendidikan formal yang diistilahkan Za'ba *bahasa sekolah*.

Slogan yang terakhir tercetus daripada penolakan strukturalis terhadap gagasan kesejagatan bahasa. Golongan strukturalis percaya bahawa setiap bahasa berbeda daripada segi bunyi, binaan, dan maknanya daripada bahasa lain (Bloomfield, 1942). Implikasi yang paling nyata daripada slogan ini ialah bahawa pelajar asing perlu meniru dan mengingat ujaran penutur jati bahasa yang dipelajarinya sehingga terbentuk kebiasaan-kebiasaan baharu yang berlainan daripada kebiasaan-kebiasaan bahasa asalnya. Golongan rasionalis sebaliknya tidak melihat kelainan-kelainan antara bahasa-bahasa sebagai sebab untuk menerima peniruan dan hafalan sebagai asas pemerolehan bahasa asing, kerana mereka percaya akan adanya parameter yang menjadi asas sistem pelbagai bahasa, iaitu tatabahasa sejagat yang kemudian dipindahkan dalam bentuk khusus bagi sesuatu bahasa. Tambahan pula golongan rasionalis lebih melihat bahasa sebagai suatu kreativiti, bukan peniruan dan penghafalan bentuk-bentuk tertentu.

Jika golongan strukturalis-empiris berpegang pada lima slogan, golongan rasionalis pula mengemukakan lima proposisi dasar, iaitu:

- a. Bahasa yang hidup dicirikan oleh kreativiti berasaskan rumus.

- b. Rumus-rumus data bahasa secara psikologinya merupakan hakikat bahasa.
- c. Manusia secara istimewa dilengkapi keupayaan mempelajari bahasa.
- d. Bahasa yang hidup ialah bahasa yang dapat menjadi wadah untuk manusia berfikir.

(K.C. Diller, 1978:23)

Tentang proposisi yang pertama, de Sauze (1929), kira-kira 30 tahun sebelum Chomsky, berujah bahawa orang dewasa yang pintar jarang dapat menguasai suatu bahasa asing tanpa mempelajari prinsip-prinsip asas (secara fungsional) yang mengatur struktur bahasa tersebut dan yang memungkinkan dia membuat generalisasi untuk menghasilkan beribu-ribu bentuk lain. Katanya lagi, keupayaan mengingat ayat-ayat dalam sesuatu bahasa tidak sama dengan mengetahui bahasa itu. Kecuali untuk tujuan mengungkapkan petikan, tidak ada orang yang melahirkan ayat hanya dengan berdasarkan ayat yang pernah didengarnya daripada orang lain. Mengetahui sesuatu bahasa bererti berupaya menghasilkan “ayat-ayat baru” dalam sesuatu bahasa. Chomsky (1966) memperkuuh pandangan de Sauze dengan mengatakan bahawa tingkah laku linguistik yang normal bebas daripada faktor rangsangan dan bersifat inovatif.

Berkaitan dengan proposisi kedua, golongan rasionalis menegaskan bahawa setiap kali berbahasa manusia menggunakan rumus-rumus tertentu sebagai suatu proses psikologi. Mereka dengan keras menentang kepercayaan strukturalis-empiris-behavioris bahawa manusia berbahasa kerana telah memperoleh sehimpunan kebiasaan melalui pelaziman. Diller (1978:26–29) beranalogi bahawa pemain catur hanya mampu bermain kerana menguasai aturan permainan tersebut, bukan kerana memiliki kebiasaan. Dalam hal ini, golongan rasionalis menjawab keraguan lawannya yang mempersoalkan keupayaan pengguna bahasa menyatakan rumus-rumus (jika benar ia menggunakan rumus-rumus ketika berbahasa) dengan menjelaskan bahawa pengguna bahasa tahu akan rumus-rumus itu “secara fungsional”, sebagaimana pemain catur menguasai aturan permainan ketika bermain catur. Tegasnya, pengetahuan tentang rumus-rumus bahasa dimiliki oleh pengguna bahasa tanpa semestinya rumus-rumus itu dapat dinyatakannya. Rasionalis menegaskan bahawa “rumus” dan “penyataan rumus” adalah dua hal yang berbeda. Pemilikan rumus bahasa memberikan implikasi bahawa manusia berbahasa dalam kesedaran intelektual, bukan sebagai proses automatis sebagaimana yang berlaku pada haiwan.

Proposisi ketiga golongan rasionalis menyentuh kesediaan manusia untuk mempelajari bahasa berasaskan adanya fakulti yang ternurani dalam akalnya. Hal ini tidak akan dikupas lagi kerana telah dibincangkan lebih awal dalam beberapa bahagian sebelum ini. Sekadar menambah suatu rumusan lagi, proposisi ini menimbulkan implikasi bahawa bahasa ialah suatu unsur yang bersifat dalaman, iaitu sedia ada atau merupakan bahagian dalam diri manusia, bukan sesuatu yang didatangkan dari luar diri melalui proses rangsangan-gerak balas dan proses pelaziman menurut pegangan strukturalis-empiris-behavioris. Maka itu dalam pendidikan bahasa murid tidak boleh dianggap sebagai tempayan kosong, dan cukup hanya dengan dilatih tubi untuk menguasai bahasa.

Akhirnya, proposisi keempat menegaskan pentingnya bahasa yang hidup sebagai wadah untuk manusia berfikir. Bagi golongan rasionalis, penguasaan bahasa bukan kemampuan meniru dan mengingat bentuk-bentuk yang ada dalam sesuatu bahasa, tetapi penggunaan bahasa untuk mengungkapkan dan menanggap pemikiran. Memang bukan semua proses berfikir menggunakan bahasa, sebagaimana yang dibuktikan oleh Lennerberg (1967) dalam kes seorang budak lelaki berusia enam tahun yang pekak tetapi memiliki daya taakul dan konsep bukan verbal yang sama dengan kanak-kanak normal yang sebaya dengannya. Namun sebahagian besar pemikiran abstrak manusia dilakukan dengan menggunakan bahasa (Diller, 1978:35), apatah lagi jika konsep bahasa itu tidak disempitkan pada representasi fonetik (atau grafem dalam bentuk bahasa tulisan), kerana ada jenis bahasa dalaman (*innere sprachform*) seperti yang ditegaskan oleh Von Humboldt.

Proposisi terakhir ini berkaitan rapat juga dengan proposisi ketiga tadi, iaitu bahawa rumus bahasa bersifat hakiki secara psikologinya. Maksudnya ialah bahawa penguasaan rumus-rumus bahasa (sebagai suatu proses psikologi) memungkinkan manusia mengubahsuaiakan pemilihan sesuatu rumus menurut situasi dan keperluan tertentu, dan proses pengubahsuaihan ini membayangkan peranan tatabahasa dan bahasa dalam perkembangan dan perubahan pemikiran. Peranan bahasa yang demikian itu hanya mampu terlaksana apabila bahasa dilihat sebagai suatu proses atau aktiviti akal, bukan proses yang mekanis dan automatik.

Siri kontroversi dalam tradisi linguistik Barat kemudian disusuli oleh kontroversi antara golongan rasionalis dengan golongan fungsionalis. Pemikiran tentang fungsionalisme sebagai reaksi terhadap rasionalisme-generatifisme secara nyata mula berkembang pada akhir tahun 1960-an (Brown, 1987:22) dengan berasaskan upaya untuk menyelami hakikat

bahasa yang lebih mendalam. Golongan rasionalis-generatif dianggap oleh golongan fungsionalis baru mencecah aspek bentuk bahasa dan belum sampai di peringkat bahasa yang paling dalam, iaitu aspek makna dalam konteks fungsi bahasa. Linguistik generatif dikatakan tidak berhasil menangani aspek fungsi bahasa dan terbatas pada rumus-rumus yang mengawal bentuk bahasa semata-mata.

Dell Hymes yang merupakan salah seorang pemuka pendekatan ini sepanjang tahun 1960-an menyelidik cara bagaimana ujaran-ujaran dapat ditakrifkan untuk menepati konteks sosial yang khusus. Ia menganalisis komponen-komponen khusus “peristiwa-peristiwa pertuturan” (1967) untuk menunjukkan bagaimana faktor seperti peserta (*participant*), latar (*setting*), babak (*scene*), bentuk mesej, topik, tujuan, dan pemilihan kod saling berinteraksi dalam pelahiran pertuturan. Pendekatan analisis bahasa yang berasaskan etnografi ini kemudian menimbulkan gagasan *keupayaan komunikatif* (*communicative competence*) yang dianggap oleh golongan fungsionalis sebagai jauh lebih penting dan bermakna daripada gagasan *keupayaan linguistik* yang dicetuskan oleh Chomsky (Brumfit, 1994:25). Hal ini demikian, kerana di sisi meliputi keupayaan formal tentang bentuk bahasa, keupayaan komunikatif menjangkau pengetahuan tentang rumus-rumus penggunaan bahasa, yang tanpanya rumus-rumus tatabahasa dianggap tidak ada gunanya sama sekali (Hymes, 1971:15).

Seorang lagi tokoh yang sentiasa dikaitkan dengan fungsionalisme ialah M.A.K. Halliday. Di samping menolak dikotomi keupayaan berbahasa dan pelaksanaan bahasa yang digagaskan oleh Chomsky, Halliday berpendapat bahawa isu pokok dalam kajian bahasa perlu tertumpu pada situasi-situasi penggunaan bahasa (Halliday, 1970:145) yang dengan perkataan lain merujuk kepada fungsi bahasa dalam penggunaan. Pada hemat golongan fungsionalis, hakikat bahasa yang sesungguhnya tidak lain daripada fungsi komunikatifnya, dengan segala variabilitinya (Brown, 1987:24). Bahasa tidak boleh dianggap sebagai hanya suatu sistem unsur-unsur formal yang bebas daripada fungsi-fungsi khususnya. Halliday (1973) menggariskan tujuh fungsi bahasa yang berlainan dalam memenuhi keperluan hidup manusia, iaitu:

- a. *fungsi instrumental* yang digunakan untuk memanipulasi persekitaran bagi menyebabkan peristiwa-peristiwa berlaku. Ayat seperti “*Mahkamah mendapati kamu bersalah*”, “*Di atas garisan, sedia, mula!*”, atau “*Jangan sentuh dapur itu*”, dikatakan berfungsi instrumental. Ayat-ayat itu merupakan lakuhan komunikatif yang menyatakan sesuatu keadaan tertentu.

- b. *fungsi pengaturan (regulatory function)* yang merupakan kawalan peristiwa, boleh jadi dalam bentuk pengesahan, penolakan, kawalan tingkah laku, atau penyataan aturan dan undang-undang. Jika ayat “*Saya dapati kamu bersalah dan kamu dijatuhi hukuman penjara tiga tahun*” termasuk dalam fungsi instrumental, maka ayat “*Oleh sebab berkelakuan baik, kamu akan dibebaskan sesudah menjalani hukuman penjara sepuluh bulan*” tergolong dalam fungsi pengaturan.
- c. *fungsi pewakilan (representational function)* yang merupakan penyataan fakta dan maklumat yang mewakili sesuatu hakikat atau realiti, seperti “*Bumi bulat*” dan “*Perdana Menteri berucap dalam majlis itu*”.
- d. *fungsi interaksi (interactional function)* yang berperanan memastikan pengekalan masyarakat. Fungsi ini terlaksana jika pengguna bahasa menguasai pengetahuan tentang slanga, jargon, jenaka, cerita rakyat, kesantunan, dan unsur-unsur sosial lain dalam bahasa masyarakatnya atau dalam bahasa yang digunakan-nya.
- e. *fungsi persendirian (personal function)* yang memungkinkan seseorang melahirkan perasaan dan reaksi.
- f. *fungsi heuristik* yang berkaitan dengan penggunaan bahasa untuk pemerolehan ilmu, khususnya yang melibatkan jenis ayat tanya.
- g. *fungsi imaginatif* yang memungkinkan bahasa digunakan untuk seseorang menghasilkan puisi, cereka, jenaka, ramalan, dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, golongan fungsionalis menolak pendekatan melihat bahasa hanya sebagai sistem yang membayangkan keupayaan bahasa penutur unggul sesuatu bahasa penutur unggul sesuatu bahasa yang menjadi tumpuan perhatian golongan rasionalis, dan sebaliknya menekankan aspek makna dan fungsi bahasa dalam penggunaan menurut situasi dan konteks.

Siri kontroversi yang mewarnai pemikiran Barat tentang bahasa dan pendidikan bahasa itu secara langsung memberikan implikasi kepada munculnya strategi, kaedah, dan teknik pengajaran bahasa. Kaitan antara pendekatan melihat bahasa (teori bahasa) dengan kaedah dan teknik pengajaran bahasa dapat digambarkan dalam rajah yang berikut:

Pendekatan	Kaedah	Teknik
Tradisional	Tatabahasa – Terjemahan, Deduktif	Penerangan rumus (Penekanan kepada bahasa tulisan)
Struktural	Kaedah langsung	Latih tubi (Penekanan kepada bahasa lisan)
Empiris	Dengar ajuk Kaedah askar Kaedah fonik Induktif	
Generatif	Kod kognitif	Kreativiti daripada rumus
Rasionalis		
Fungsionalis	Komunikatif	Main peranan, simulasi, sumbang saran, penyelesaian masalah

**Rajah** Pertalian antara Pendekatan dengan Kaedah, dan Teknik Pengajaran.

Golongan fungsionalis sebenarnya bukan sahaja menolak pendekatan rasionalis, bahkan turut menolak pendekatan strukturalis-empiris dan tradisionalis. Kesemua pendekatan tersebut, bersama-sama dengan kaedah dan teknik pengajarannya dilabelkan sebagai “model pengajaran kemahiran” (*the skill learning model*) yang dianggap terhad, tidak memenuhi matlamat pengajaran bahasa yang sesungguhnya, dan tidak alamiah. Sebagai alternatif, golongan tersebut mengemukakan “model pengajaran alamiah” (*the natural learning model*) yang memasukkan pengajaran bahasa dalam dunia komunikasi yang realistik (Littlewood, 1985:3–5).

Sebagai suatu anjakan paradigma daripada sukatan pelajaran yang berkerangkakan kandungan sistem bahasa, sebagaimana yang digarap oleh golongan-golongan yang terdahulu, golongan fungsionalis mengemukakan sukatan pelajaran bahasa yang berkerangkakan sistem sosial. Dengan berdasarkan tujuh fungsi bahasa yang digariskan oleh Halliday, Van Ek dan Alexandar (1975, dalam Brown, 1987:204) menyenaraikan 70 fungsi bahasa yang perlu diajarkan, antaranya termasuklah:

1. Ucapan, perpisahan, undangan, penerimaan.
2. Penghargaan, tahniah, pujian, pujukan, menarik perhatian, bangga.
3. Mencelah.
4. Menanya, meminta
5. Menghindari, berbohong, memindahkan bidasan, menukar subjek.

6. Mengkritik, menegur, memperkecil-kecilkan, menghina, mengancam, memberikan amaran.
7. Mengadu.
8. Mendakwa, menafikan.
9. Setuju, tidak setuju, berhujah.
10. Memujuk, mendesak, menyarankan, mengingatkan, menegaskan, menasihati.
11. Melaporkan, menilai, mengulas.
12. Mengarahkan, memerintahkan, meminta.
13. Menyoal, menyiasat.
14. Menyatakan simpati.
15. Mohon maaf, memberikan alasan.

Sebagai rumusan, epistemologi Barat telah menyebabkan berlakunya kontroversi yang berpanjangan dan berterusan tentang hakikat bahasa, kaedah penelitian dan pengajaran bahasa serta matlamat kajian dan pendidikan bahasa. Empat ciri disiplin ilmu yang bersumberkan epistemologi Barat sebagaimana yang telah dikemukakan pada bahagian awal kertas kerja ini ternyata telah benar-benar mewarnai disiplin linguistik sedunia, termasuk linguistik Melayu. Yang pertama ialah kecenderungan berkonflik hanya disebabkan kelainan teori; kedua, kecenderungan menghargai teori yang lahir terkemudian dari teori sebelumnya; ketiga, pengasingan konsep atau fahaman tertentu seperti keterikatan kepada sumber ilmu yang tertentu sahaja; keempat, kehilangan matlamat yang hakiki dalam melaksanakan kerja-kerja ilmiah tentang bahasa.

## **DISIPLIN LINGUISTIK BERSANDARKAN EPISTEMOLOGI ISLAM**

Sudah sampai waktunya, pada hemat penulis, bahawa disiplin-disiplin ilmu kita, termasuk linguistik, ditanggap dan diberi orientasi yang lebih cocok dengan keperibadian kita. Bahasa Melayu di alam Melayu berhak dihuraikan dengan berdasarkan pandangan sarwa yang telah ratusan tahun membentuk falsafah dan pemikiran, bahkan budaya umat di rantau ini, iaitu pandangan sarwa yang dicetuskan oleh agama Islam. Islam telah memberikan rupa dan jiwa baharu tamadun Melayu dan telah membentuk bahasa Melayu baharu yang kita warisi hingga kini (al-Attas, 1972), selewat-lewatnya sejak abad ke-13, daripada bahasa yang sebelumnya begitu asing bentuk dan citranya dalam zaman kuno.

Dengan gagasan ini, bukanlah maksud penulis bahawa segala yang datang dari Barat perlu dihindari atau diperangi. Teori, kaedah dan dapatan yang bermanfaat dan tidak pula bertentangan dengan pandangan sarwa kita tentu sahaja perlu diterima dan dikembangkan, sebagaimana para saintis menerima temuan saintis Barat dalam hal ewhal yang berkaitan dengan fakta alam, seperti hakikat cakerawala, lapisan bumi dan perihal segala hidupan di dunia. Maka demikianlah juga kita harus menerima wujudnya subdisiplin linguistik seperti dialektologi, linguistik sejarah, tatabahasa, semantik, sosiolinguistik, psikolinguistik dan yang lain-lain lagi kerana kesemuanya itu dapat membantu kita meneroka kekayaan bahasa sebagai unsur penting pada manusia sebagai makhluk istimewa ciptaan Tuhan. Demikian juga kita tidak perlu menolak teori linguistik Barat yang telah memberi kita jalur pemikiran dan kaedah penelitian yang sistematik, baik dalam subbidang linguistik mana pun.

Yang ditekankan dalam pembicaraan ini ialah keperluan kita mengolah huraian bahasa dalam pelbagai subdisiplin linguistik itu menurut kerangka epistemologi Islam. Sebagai contoh, kita tidak perlu terperangkap oleh epistemologi Barat yang menyebabkan timbulnya kontroversi yang melampau dalam mempertentangkan teori-teori yang ada sedangkan ada aspek-aspek tertentu dalam setiap teori itu yang dapat dipadukan untuk manfaat kehidupan manusia. Tuhan justeru menciptakan pelbagai bangsa manusia dengan pelbagai bahasa untuk tujuan saling mengenal (al-Hujurat, 13). Demikian juga, tidak seharusnya kita mengikat sikap kita demikian ketatnya dalam menentukan sumber ilmu yang dalam tradisi Barat tergambar dalam bentuk dikotomi yang cukup terasing dan terpisah tanpa kompromi, iaitu sama ada rasionalisme atau empirisisme. Maka itu, gagasan yang amat relevan dalam rangka memenuhi judul pembicaraan ini ialah keperluan kita mengetengahkan linguistik menurut perspektif Islam setelah sekian lama kita bermakmum kepada linguistik Barat, setidak-tidaknya sebagai suatu alternatif.

Gagasan itu berkait erat dengan gagasan pengislaman ilmu yang melibatkan upaya meletakkan segala ilmu, termasuk linguistik dalam orientasi, objektif, dan fokus yang berdasarkan tasawur atau pandangan sarwa Islam.

Istilah *linguistik Islam* dalam konteks ini tidak harus dilihat sebagai suatu usaha mewujudkan konflik baru dalam linguistik, iaitu antara linguistik Barat dengan linguistik Islam. Penggunaan istilah *linguistik Islam* tidak harus dicarikan antonimnya seperti linguistik bukan Islam, linguistik sekular, linguistik Kristian, apakah lagi linguistik kafir. Penggunaan istilah linguistik

Islam dalam pembicaraan ini tidak lain daripada usaha membina suatu kerangka falsafah dan pemikiran yang menayangkan ilmu bahasa atau linguistik yang mendukung epistemologi Islam, sesuai dengan gagasan pengislaman ilmu itu. Sekali lagi, tidak harus timbul salah faham bahawa dengan mengutarkan gagasan linguistik yang berteraskan epistemologi Islam kita perlu menyirnakan konsep-konsep sejagat tentang bahasa yang selama ini dihuraikan dalam tradisi linguistik Barat, baik tentang unit-unit bahasa seperti fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana mahupun tentang pelbagai konsep seperti dialek, laras, gaya dan sebagainya.

Keperluan terhadap gagasan linguistik Islam lebih-lebih lagi nyata dengan meluas dan mendalamnya pengaruh sekularisme yang disemaikan oleh kebudayaan Barat melalui semua disiplin ilmu, hatta ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama. Linguistik Barat, sebagaimana disiplin-disiplin ilmu yang lain telah terperangkap dalam sekularisme sebagai kesan pembebasan ilmu daripada kewibawaan gereja sejak Zaman Kebangkitan (*Renaissance*), baik dengan berlandaskan rasionalisme mahupun empirisisme. Sehingga demikian, linguistik dikaji sebagai disiplin yang bebas daripada pertalianya dengan aspek keagamaan, dan penelitian terhadap bahasa tidak dihubungkan dengan matlamat mempelajari “tanda-tanda” kebesaran Pencipta alam sarwajat sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Quran (*Surah Fussilat*, ayat 53). Demikian juga, konsep-konsep dasar yang berkaitan dengan hakikat bahasa tidak diasaskan pada rujukan agama atau sumber naqli, melainkan diasaskan pada spekulasi atau dapatan daripada kajian deskriptif.

Mohammad Akram A.M. Sa'Adeddin (1995:371) memberikan takrif yang tegas tentang linguistik Islam, iaitu “Kajian saintifik bahasa atau bahasa-bahasa Islam dan bakal bahasa atau bakal bahasa-bahasa Islam ('*the scientific study of Islamic and would be Islamic language/sj*''). Ia menegaskan bahawa takrif ini sama sekali berlainan daripada takrif linguistik sebagai kajian saintifik tentang bahasa yang dikemukakan oleh John Lyons (1964) dalam syarahan perdana penerimaan gelar profesor linguistik umum yang berbunyi “kajian saintifik bahasa bermakna penyelidikan yang dibuat berdasarkan pemerhatian secara empiris dan dengan merujuk kepada teori struktur bahasa yang umum” (Lyons, 1995:248). Katanya lagi, berbeda daripada linguistik teoretis – deskriptif Barat, linguistik Islam mencakup aspek deskriptif dan preskriptif sekali gus. Linguistik Islam memberikan perhatian kepada aspek deskriptif kajian bahasa untuk memperoleh maklumat tentang ciri-ciri bahasa Islam, sementara aspek preskriptif diberi perhatian untuk menentukan strategi dan alat bagi penghasilan wacana

Islam yang padu dan koheren.

Dengan kata-kata lain, sementara linguistik teoretis Barat menumpukan perhatian pada aras-aras konvensional dalam analisis linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik, linguistik Islam berfokus pada akulterasi Islam, dengan memindahkan pusat perhatian dari pada representasi permukaan bahasa kepada asas ilmu dalaman masyarakat Islam yang membayangkan pengalaman budaya mereka hingga ke peringkat pengungkapannya (Sa'Adeddin, 1995:372). Sementara dapat bersetuju dengan takrif Sa'Adeddin daripada segi semangatnya, pengkaji berpendapat bahawa linguistik Islam tetap dapat diterapkan untuk penelitian bahasa-bahasa mana pun, tidak terhad pada "bahasa-bahasa Islam" sahaja. Hal ini demikian, kerana yang lebih utama dalam linguistik Islam ialah asas falsafahnya, iaitu bagaimana kita melihat dan menanggap bahasa itu. Korpus linguistik Islam haruslah bersifat sejagat, sesuai dengan hakikat kepelbagaian bahasa sebagai suatu sunatullah, sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Quran (*Surah al-Hujurat*, ayat 13). Dengan demikian pengkaji mengemukakan suatu takrif lain tentang linguistik Islam yang berbunyi "suatu kajian saintifik tentang bahasa berdasarkan tasawur atau pandangan hidup Islam".

Hal pokok yang secara langsung berkaitan dengan linguistik Islam ialah hakikat bahasa itu sendiri. Pada hemat pengkaji, persoalan hakikat bahasa merupakan isu dasar dalam perbincangan tentang falsafah bahasa dan pendidikan bahasa. Tanpa pemahaman yang jelas tentang hakikat bahasa, pendidikan bahasa tidak mungkin dapat berlangsung di atas landasan yang tepat. Strategi pengajaran dan pemelajaran bahasa yang berkesan tidak akan berhasil mencapai matlamat pendidikan bahasa.

Persoalan hakikat bahasa, sebagaimana yang telah dipaparkan dalam bahagian yang lebih awal, telah dibincangkan sejak bermulanya tradisi ilmiah. Bahkan persoalan tersebut menjadi salah satu inti sari kajian falsafah sejak awal pertumbuhannya beberapa abad Sebelum Masihi di kalangan ahli-ahli falsafah Yunani. Namun demikian, falsafah dan linguistik Barat hingga kini belum dapat menampilkan penjelasan yang memuaskan tentang hakikat bahasa dan terus-menerus dengan pencarian yang tidak berhujung. Oleh sebab itu penting sekali diusahakan perumusan hakikat bahasa menurut perspektif Islam dengan berasaskan sumber-sumber ilmu yang diiktiraf sah dalam tradisi ilmiah Islam. Dalam konteks ini, sumber ilmu yang paling autentik ialah al-Quran yang merupakan kalam Allah dan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk dijadikan pedoman oleh sekalian manusia. Firman Allah:

“Alif Lam Mim. Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya, maka itu menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa.”]

(*Surah al-Baqarah*, ayat 2)

Linguistik Barat moden, baik yang berasaskan empirisme maupun yang berasaskan rasionalisme melihat bahasa sebagai mana adanya dan tidak menghubungkannya dengan gagasan sunatullah atau ketentuan Allah. Dengan perkataan lain, bahasa tidak dilihat sebagai salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah yang ada pada diri manusia, sebagai mana yang dinukilkan dalam al-Quran (*Surah Fussilat*, ayat 53). Lebih-lebih dalam linguistik empiris, bahasa malahan dilihat daripada sudutnya yang zahir semata-mata, iaitu yang disebut sebagai bentuk yang tampak, yang dapat dikaji dan dianalisis binaannya daripada unsur yang terkecil kepada unsur yang terbesar (daripada fonem kepada ayat). Bentuk zahir bahasa itu pula dihadkan pada pertuturan sehingga bahasa pada tanggapan mereka tidaklah lain daripada pertuturan. Persoalan makna dan persoalan bagaimana bahasa beroperasi dalam akal dianggap persoalan bukan linguistik. Otak atau akal dianggap sebagai kotak gelap yang tidak dapat dikaji. Oleh sebab itu, pada umumnya takrif bahasa yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik Barat, sebagai mana yang dirumuskan dalam pelbagai kamus linguistik tertumpu pada bahasa sebagai “lambang bunyi-bunyi yang sewenang-wenang”, seolah-olah bahasa itu hanya bunyi-bunyi atau pertuturan. Chomsky sendiri yang melihat bahasa sebagai suatu proses mental apabila mentakrifkan bahasa tetap melihat bahasa pada tahap permukaannya, iaitu sebagai sesuatu yang dapat diperhatikan (*observable*). Katanya, bahasa ialah suatu himpunan ayat (terhad dan tidak terhad) yang terhad panjangnya dan tersusun dengan menggunakan sehimpunan unsur yang terhad (Chomsky, 1957:13).

Linguistik Barat yang berasaskan rasionalisme pula walaupun ternyata lebih luas perspektifnya tentang bahasa masih belum menyentuh hubungan bahasa dengan “konsep diri”. Chomsky, misalnya, telah mengemukakan gagasan yang menarik dan rasional tentang bahasa sebagai suatu aspek mental. Ia telah sampai di pertengahan jalan tentang hakikat bahasa apabila ia mengemukakan teori kenuranian bahasa. Namun, Chomsky tidak pernah memperkatakan *innate* bahasa manusia sebagai suatu kurniaan Tuhan. Ahli-ahli linguistik mentalis sering mengungkapkan frasa “secara semula jadi” bagi sifat kenuranian bahasa. Sikap demikian tidak lain daripada pandangan sekularis yang tidak melihat objek kajian ilmiah sebagai sesuatu yang berkaitan dengan agama, Tuhan, dan persoalan kerohanian. Asas sekularisme dalam tanggapan ilmiah Barat ini memang telah terasas sejak awal per-

tumbuhan falsafah mereka. Ahli-ahli falsafah Milesian sebagai pelopor falsafah Barat beberapa abad Sebelum Masihi bertolak daripada andaian bahawa segala peristiwa alamiah perlu dibincangkan dalam hubungannya dengan kuasa-kuasa alamiah, bukan dengan tindakan Tuhan atau campur tangan kuasa yang tidak alamiah. Anggapan dasar mereka ialah bahawa alam bersifat alamiah (*the nature is natural*).

Linguistik Islam mengkaji hakikat bahasa sebagai suatu fakulti ternurani (*innate faculty*) yang menjadi ciri umum dan sejagat bagi semua manusia, tidak kira apa masyarakatnya, bangsanya, maju atau mundur, dan di bahagian dunia mana manusia itu tinggal. Al-Quran sebagai sumber induk ilmu mengungkapkan firman Allah tentang kurniaan bahasa kepada manusia (dengan terjemahannya) sebagai yang berikut:

“Tuhan yang Maha Pemurah yang mengajarkan Quran. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbahasa.”

(Surah *al-Rahman*, ayat 1–4)

Jelas daripada ayat-ayat itu bahawa Allah menciptakan manusia dengan mengurniainya fakulti bahasa. Dengan perkataan lain, fakulti bahasa yang disebut juga potensi berbahasa ini telah sedia ada pada setiap manusia apabila ia lahir ke dunia. Menurut Chomsky, alat atau organ bahasa ini telah tumbuh pada peringkat embrio (Lee, 1995). Fakulti atau potensi ini, atau yang dinamai Chomsky sebagai *language acquisition device* (LAD) inilah yang memungkinkan manusia memperoleh bahasa daripada pengalaman dan pendidikan, bermula dalam agen sosialisasi yang awal, iaitu keluarga dan kemudian melalui agen-agen sosialisasi yang lain, iaitu rakan sebaya, institusi sekolah, dan masyarakat umum. LAD ini menurut Chomsky dilengkapi Tatabahasa Sejagat yang memberikan cara membunyikan kata, menjalin kata-kata menjadi ayat, dan memperoleh makna daripada kata-kata, yang dalam istilah linguistik dikenal sebagai fonetik, sintaksis, dan semantik.


Fakulti ternurani atau potensi bahasa ini bukanlah mana-mana bahasa yang tertentu, melainkan suatu keupayaan untuk mempelajari bahasa. Tidak pula dimaksudkan bahawa dengan manusia telah sedia memiliki potensi berbahasa itu bererti bahawa setiap bayi yang lahir telah dilengkapi kosa kata, tatabahasa, sistem sebutan, sistem ejaan, dan laras bahasa. Sistem bahasa yang tersebut itu diperoleh kemudian dalam pengalaman hidup bermasyarakat dalam bahasa tertentu. Oleh itu, tidak kira dalam bahasa apa pun seseorang dilahirkan, manusia yang normal akan mampu menguasai bahasa itu. Anak Inggeris akan mampu menguasai bahasa Inggeris. Anak

Arab akan mampu menguasai bahasa Arab. Demikianlah juga, anak Melayu akan mampu menguasai bahasa Melayu.

Yang memungkinkan si anak itu mampu menguasai bahasa masyarakatnya ialah fakulti ternurani atau potensi berbahasa yang telah disediakan oleh Allah sewaktu manusia diciptakan. Menurut uraian Chomsky (1981), LAD atau Tatabahasa Sejagat terletak dalam otak (akal) manusia dan bersifat lentur sehingga dapat disesuaikan dengan sifat-sifat khusus bahasa tertentu. Kelenturan Tatabahasa Sejagat inilah yang memungkinkan mana-mana bahasa dipelajari dan dikuasai oleh bukan penutur jati bahasa itu. Lee (1995) dalam menjelaskan uraian Chomsky itu menampilkan rajah kelenturan Tatabahasa Sejagat yang dapat disesuaikan untuk mana-mana bahasa manusia, sebagai yang berikut:

Haiwan, oleh sebab tidak dikurniai fakulti tersebut, tidak akan mampu menguasai bahasa sekalipun haiwan itu lahir dan dibesarkan dalam satu keluarga manusia. Kucing yang lahir di rumah satu keluarga Inggeris dan seterusnya dipelihara oleh keluarga itu tidak akan mampu berbahasa Inggeris kerana tidak memiliki fakulti berbahasa atau alat pemerolehan bahasa (APB/

**Otak/akal  
TATABAHASA SEJAGAT**



**Rajah Tatabahasa sejagat dalam bahasa manusia.**  
(Sumber: Lee, Bock-mi, 1995)

LAD) sebagaimana yang dimiliki manusia.

Hakikat bahawa Allah hanya memberikan potensi berbahasa dan bukan sesuatu bahasa tertentu dijelaskan-Nya dalam firman yang terjemahannya berbunyi:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal ...”

(*Surah al-Hujurat*, ayat 13)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah sengaja menciptakan manusia berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, dengan pengertian wujudnya juga pelbagai bahasa dan dialek bagi manusia. Ayat tadi dengan sendirinya juga menolak dakwaan bangsa tertentu tentang wujudnya gagasan bahasa agung, iaitu sebagaimana orang Yunani mengisyiharkan bahasa mereka sebagai bahasa tertinggi berbanding dengan bahasa-bahasa lain atau bangsa Yahudi meletakkan bahasa mereka sebagai bahasa Tuhan dan bahasa syurga (Sayyid Muhammad Syeed, 1989: 545). Hal ini tentu berbeda pula daripada hakikat bahasa Arab yang diberi taraf yang istimewa oleh Allah sebagaimana yang disebut dalam al-Quran (Lihat, misalnya *Surah al-Zumar*, ayat 28 dan *Surah al-Fussilat*, ayat 1–2). Dan kelebihan bahasa Arab itu tidak pula sampai menafikan peranan unggul setiap bahasa yang lain, kerana Allah berfirman juga (terjemahannya):

“Dan Kami tidak mengutus seorang rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia dapat memberikan penjelasan dengan terang kepada mereka ...”

(*Surah Ibrahim*, ayat 4)

Maksudnya, Allah tetap mengiktiraf mana-mana bahasa pun termasuk bahasa rasul-rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Tambahan pula, sesuai dengan ayat 53 *Surah Fussilat* yang telah dibincangkan sebelum ini, wujudnya kepelbagaian bahasa manusia adalah tanda kebesaran dan kekuasaan Allah, sebagaimana yang disebut dalam al-Quran (terjemahannya):

“Dan antara tanda-tanda kekuasaannya termasuklah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang tahu.”

(*Surah al-Rum*, ayat 22)

Menurut huraian Sayyid Muhammad Syeed (1989), al-Quran bukan sahaja mengiktiraf wujudnya kepelbagaian bahasa manusia sebagai manifestasi kebesaran dan kekuasaan Allah, malahan al-Quran menyajikan kemungkinan untuk manusia melakukan penelitian dan pemahaman terhadap kepelbagaian itu.

Pengurniaan fakulti ternurani atau potensi bahasa kepada manusia oleh Allah s.w.t. berkaitan rapat dengan pembinaan konsep *diri* manusia dan *pengilmuan* manusia. Al-Attas dalam beberapa banyak tulisan dan syarahannya yang sebahagiannya terangkum dalam kumpulan tulisan beliau tentang metafizik Islam (1995) menjelaskan bahawa bahasa menjadi faktor yang menimbulkan identiti bagi manusia. Dengan perkataan lain, bahasa menjadi asas penting dalam pembinaan konsep *diri* manusia. Kata al-Attas (1995:121–122), kita mentakrifkan manusia sebagai “haiwan rasional”, dengan istilah *rasional* itu merujuk kepada istilah *natiq*, iaitu suatu fakulti ternurani (*innate faculty*) yang berkaitan dengan ilmu, fakulti yang memahami makna alam semesta dan yang merumuskan makna segala sesuatu. Perumusan makna yang melibatkan pertimbangan, pembedaan, dan penjelasan inilah yang menjadi asas kerasionalan manusia.

Istilah *rasional* (*natiq*) dan proposisi “memiliki kuasa untuk merumuskan makna” (*dhu nutq*), kata al-Attas lagi, terbit daripada akar kata yang sama yang menimbulkan makna asas ‘pertuturan’. Dengan demikian kedua-dua istilah itu membayangkan suatu kuasa dan keupayaan ternurani pada manusia untuk mengungkapkan kata-kata atau bentuk-bentuk perlambangan dalam pola-pola yang bermakna. Daripada akar kata yang sama (*nutq*), terbit kata nama untuk ilmu wacana yang dikenal sebagai *al-mantiq* atau logika, iaitu ilmu yang menggarap soal pembentukan hujah, perumusan kaedah-kaedah perdebatan, penemuan kepalsuan, teori pengelasan dan penakrifan, fikiran asas tentang silogisme, pengkonsepsian bukti dan demonstrasi, dan kerangka umum kaedah intelektual dalam pencarian kebenaran.

Dengan istilah *haiwan rasional*, manusia dapat juga dikatakan “haiwan berbahasa” (*al-hayawan al-natiq*), dan kemampuan manusia melahirkan lambang-lambang linguistik dalam pola-pola yang bermakna (seperti kata, frasa, klausa, dan ayat) dimungkinkan oleh adanya suatu hakikat dalam yang tidak dapat dilihat, yang dikenal sebagai intelek (*al-'aql*). Istilah *'aql* atau akal itu pada asasnya bererti ‘suatu bentuk ikatan’ yang menunjukkan hakikatnya sebagai suatu satuan yang aktif dan sedar, yang mengikat dan menampung objek-objek ilmu melalui bentuk-bentuk perlambangan (kata-kata). Hakikat akal ini merujuk kepada hakikat yang sama bagi kalbu, roh,

dan diri. Akal atau intelek ini merupakan substansi abstrak yang menjadi alat bagi roh rasional mengenal kebenaran dan membedakan kebenaran daripada kepalsuan. Akal, dengan demikian, menurut al-Attas, merupakan hakikat yang mendasari takrif *diri* manusia. Bahasa yang menyatu dalam konsep akal atau intelek itu, dengan demikian, merupakan bahagian yang penting dalam pembinaan *diri* manusia dan sekali gus menjadi asas pengilmuan diri manusia.

Pengurniaan potensi bahasa yang berkaitan rapat dengan pengilmuan diri manusia telah berlaku di alam arwah, iaitu sebelum roh ditiupkan ke jasad manusia. Profesor al-Attas, (1995:174) dengan memetik uraian al-Junayd, al-Kalabadhi dan lain-lain, menggambarkan bagaimana diri manusia ketika masih di alam arwah telah berkomunikasi dengan Allah berkenaan dengan asas ilmu tauhid. Ayat al-Quran yang menggambarkan hal tersebut berbunyi (terjemahannya):

“Dan ingatlah, ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka seraya berfirman: ‘Bukankah Aku ini Tuhanmu?’ Mereka menjawab: ‘Benar Engkau Tuhan kami, kami menjadi saksi’. Kami lakukan yang demikian itu agar pada hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang yang alpa tentang keesaan Tuhan.”

*(Surah al-A'raf, ayat 172)*

Terang daripada ayat itu bahawa manusia telah sedia berpotensi untuk berbahasa sebelum lahir ke dunia, walaupun komunikasi mereka dengan Allah itu tentu bukan dalam bentuk bahasa khusus yang ada di dunia. Selain itu, pengurniaan potensi bahasa itu turut membayangkan proses pengilmuan yang berlaku, iaitu bagaimana manusia menerima ilmu asas tauhid yang berkaitan dengan penggesaan Allah. Maksudnya, sejak di alam arwah lagi diri manusia telah memiliki ilmu ketuhanan – ia kenal akan Allah sebagai Pencipta, ia tahu akan dirinya sebagai ciptaan Allah, dan ia memiliki ilmu untuk memahami sesuatu. Pentingnya asas tauhid sebagai ilmu terawal yang dimiliki manusia ini dapat dihubungkan dengan hadis yang bermaksud “Awal-awal agama ialah mengenal Allah” dan kata hikmat sufi Islam “Barang siapa mengenal dirinya, maka ia mengenal Tuhannya”, malah dapat dikaitkan juga dengan soalan pertama malaikat Munkar dan Nakir di alam barzakh, iaitu “Siapakah Tuhanmu?” Selanjutnya hal ini berkaitan juga dengan hadis nabi yang menyebut bahawa sesiapa yang pada akhir hayatnya dapat mengungkapkan kalimah syahadah akan menjadi ahli syurga. Demikianlah bagaimana

eratnya pertalian antara pengurniaan bahasa kepada manusia dengan pembinaan konsep *diri* manusia dan proses pengilmuan diri itu.

Ayat lain dalam al-Quran yang menunjukkan pertalian kemampuan berbahasa yang dianugerahkan Allah dengan proses pengilmuan manusia terdapat dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 31, yang terjemahannya berbunyi:

“Dan Allah telah mengajar Adam tentang nama (hakikat) segala kejadian ...”

Penganugerahan ilmu tentang nama segala kejadian di alam semesta ini kepada Nabi Adam oleh Allah S.W.T. bukan sekadar pengenalan tentang nama sesuatu, bahkan turut meliputi sifat-sifat, kegunaan, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan kejadian atau ciptaan itu. Ayat ini turut memberikan pengertian bahawa keturunan Adam, iaitu manusia dikurniai Allah ilmu bahasa atau ilmu pengenalan yang berkaitan pula dengan penguasaan ilmu dalam cabang-cabang yang lain. Demikianlah rapatnya penguasaan ilmu bahasa dengan penguasaan ilmu-ilmu lain, yang dalam konteks kajian ini diterjemahkan melalui gagasan pendidikan bersepadu, termasuk kesepaduan antara penguasaan bahasa dengan penguasaan ilmu-ilmu lain, dan pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa.

Dengan mengambil epistemologi Islam sebagai dasar huraihan, maka disiplin linguistik memperoleh citra dan dimensi yang lebih jelas daripada sudut:

1. hakikatnya sebagai disiplin yang mengkaji bahasa sebagai tanda kebesaran Pencipta alam dan segala isinya, termasuk manusia dan bahasa, dengan pengertian bahawa semakin mendalam penelitian atau kajian seseorang tentang pelbagai aspek bahasa, semakin tinggi tahap imannya;
2. hakikatnya sebagai disiplin yang tidak seratus peratus autonom berasaskan akal dan diteliti hanya sebagai kegiatan atau latihan ilmiah dalam rangka melaksanakan kerjaya semata-mata, kerana bahasa sebahagiannya bersangkutan dengan ketentuan naqli dan berkaitan dengan matlamat membina adab manusia.
3. hakikatnya sebagai disiplin yang mengkaji bahasa sebagai unsur penting kurniaan Tuhan kepada manusia sebagai makhluk teristimewa, dalam (a) pembentukan konsep “diri” manusia, (b) sebagai alat pengilmuan manusia (individu dan masyarakat (melalui proses pemerolehan dan pengembangan ilmu), (c) sebagai wahana penyaluran dan pewarisan sistem nilai, falsafah, pan-

- dangan sarwa dan seluruh aspek kebudayaan masyarakat;
4. hakikat bahawa setiap bangsa dikurniai bahasanya masing-masing (juga dengan pengertian wujudnya pelbagai dialek daerah dan dialek sosial dalam pelbagai kelompok sesuatu masyarakat), yang menyedarkan kita betapa tidak benarnya mitos bahawa kemajuan sesuatu bangsa bergantung pada sesuatu bahasa tertentu yang dianggap bahasa unggul dunia.
  5. luwesnya pendekatan dalam penelitian bahasa, yang tidak bergantung semata-mata pada kaedah empiris yang bersandarkan pancaindera semata-mata untuk memenuhi syarat “dapat diperhatikan dan dapat diuji” (*observable and testable*), kerana pada hakikatnya ada unsur bahasa yang memerlukan dapatkan deskriptif dan ada pula yang qat'i. Contohnya, penakrifan kata-kata dan istilah-istilah yang bersumberkan ilmu wahyu, seperti konsep *ilmu, adil, benar, sah, batil, zalim, hukum, wahyu, ilham, bahagia, aurat* dan ribuan lagi tidak sewajarnya ditangani dengan berdasarkan kaedah deskriptif yang memerlukan pengiraan kadar kekerapan penggunaan yang tinggi dalam masyarakat kerana semua konsep itu telah ditetapkan dalam syariat. Demikian juga, peranan intuisi dalam penggunaan bahasa tidak dapat ditolak sebagai sumber data yang tidak sah atau tidak bernilai ilmiah kerana sebahagian data penggunaan bahasa anggota masyarakat tetap lahir daripada intuisi, perasaan dan bahkan khayalan juga.
  6. tugas dan tanggungjawab ahli bahasa bukan sekadar perakam penggunaan bahasa oleh masyarakat, atas alasan untuk bersikap objektif, tetapi dalam konteks tertentu menjadi pemimpin masyarakat dalam penggunaan bahasa yang beradab, santun dan yang dapat meningkatkan akal budi dan daya pemikiran masyarakat. Dengan demikian, ketentuan norma penggunaan bahasa masyarakat tidak diasaskan semata-mata pada penggunaannya secara massa meskipun diakui bahawa penggunaan bahasa masyarakat massa itu merupakan ragam bahasa masyarakat juga tetapi bukan sebagai penentu kesahan norma bahasa. Hassan al-Bana, pemimpin reformis Islam Mesir memasukkan dalam wasiatnya kepada para da'i agar memelihara dan mempertahankan bahasa Arab fusha (bahasa Arab baku) kerana itulah ragam bahasa Arab yang dapat mempertahankan nilai-nilai luhur agama Islam.

## PENUTUP

Gagasan untuk menyemak dan menilai pemahaman, sikap dan amalan kita dalam disiplin linguistik diketengahkan dengan penuh kesedaran bahawa kita perlu memberikan orientasi dan membuat pengolahan yang sesuai bagi segala bidang ilmu, termasuk linguistik. Kita telah demikian lamanya berada dalam jalur pemikiran, falsafah dan pandangan sarwa Barat yang asasnya menerbitkan beberapa kejanggalan dan kepalsuan dalam pembinaan tanggapan dan sikap kita terhadap bahasa. Penulis mengulang berkali-kali dari awal hingga akhir pembicaraan ini bahawa yang dimaksudkan dengan ijтиhad dan tajdid dalam pembaharuan iktikad kita terhadap ilmu tidak sekali-kali berkaitan dengan khayalan untuk menolak fakta-fakta dan dapatan-dapatan yang telah demikian banyaknya menyerlahkan hakikat bahasa dan penggunaannya sebagaimana yang telah digarap dalam pelbagai subdisiplin linguistik yang ditangani dengan gigihnya oleh orang Barat. Kita memang banyak berhutang budi kepada Barat dalam hal penerokaan pelbagai aspek dan dimensi bahasa, baik dalam klasifikasi dan pembinaan anatomii bidang linguistik mahupun dalam penelitian tentang kategori dan fungsi bahasa. Banyak yang dapat terus kita lanjutkan selama semua itu tidak bercanggah dengan epistemologi Islam yang menjadi pegangan hidup kita. Kita tidak perlu, misalnya, menolak dan meninggalkan hasil analisis terhadap pelbagai dialek dan variasi bahasa yang wujud dalam masyarakat yang memang dipelopori oleh para ahli dialektologi Barat. Kita tidak perlu juga menolak analisis kategori dan fungsi bahasa sebagaimana yang terdapat dalam bidang tatabahasa. Kita tidak juga wajar menolak analisis yang memaparkan hakikat dan sifat bahasa, baik yang berkaitan dengan morfologi, sintaksis, fonologi mahupun semantik sesuatu bahasa, biar dengan menggunakan teori apa pun.

Yang sesungguhnya memerlukan penyemakan dan penilaian ialah dasar-dasar yang berkaitan dengan epistemologinya. Epistemologi amat rapat kaitannya dengan sistem kepercayaan dan daripada sudut Islam, epistemologi (yang bersangkutan dengan hakikat ilmu, sumber ilmu, kaedah dan matlamat ilmu) telah dijelaskan dalam ajaran agama, sama ada yang secara langsung disebut dalam al-Quran dan hadis mahupun yang dihuraikan oleh ahli tafsir dan ulama muktabar. Dalam pembicaraan ini, penulis telah berusaha menunjukkan seperangkat prinsip atau premis epistemologi Islam. Dalam hubungannya dengan linguistik, telah dihuraikan hakikat bahasa, kelahiran dan pemerolehan bahasa pada manusia, peranan bahasa (dalam pembentukan diri manusia dan pengilmuan manusia serta pengembangan

dan pewarisan sistem nilai dan kebudayaan masyarakat), kepelbagaiannya bahasa manusia, paduan antara deskriptisme dengan preskriptisme sebagai pendekatan menemukan norma bahasa dan peranan ahli bahasa. Antara dasar epistemologi Barat yang telah dihuraikan dan yang menurut hemat penulis perlu dinilai termasuklah kecaburan dalam menjelaskan hakikat bahasa, kecenderungan membina dikotomi yang terlalu ketat, terpesona oleh pembaharuan dan terpengaruh oleh fahaman kenisbian, terikat oleh pendekatan autonom ilmiah saintifik yang mengekang iltizam peneliti dan bersandar pada bahasa masyarakat massa sebagai asas norma yang dianggap sah.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusuf Ali, 1992. *Al-Qur'anu'L-Karim Terjemahan dan Huraian Maksud*. Diterjemah oleh Abu Salah Muhammad Uthman el-Muhammady. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alston, W.P., 1964. *Philosophy of Language*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Alston, W.P., 1967. "Language, Philosophy of Language" dlm. *Encylopedia of Philosophy*. New York: Macmillan.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1972. *Islam dan Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Awang Sariyan, 1997. "Falsafah Bahasa dan Pendidikan Bahasa: Kajian Konsep dan Pelaksanaannya dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia". Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Awang Sariyan, "Falsafah Pendidikan Bahasa: Perbandingan Perspektif Barat dan Islam" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:7, hlm. 642 – 648, Julai 1988.
- Awang Sariyan, "Menelusuri Aspek Falsafah dalam Pendidikan Bahasa dan Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:10 hlm. 868 – 881, Oktober 1998.
- Awang Sariyan, "Pengislaman Pendidikan Bahasa: Suatu Penyataan Awal" dlm. *Jurnal Pendidikan Islam* 8:3, hlm. 51 – 76, Disember 1998.
- Awang Sariyan, "Falsafah Bahasa dalam Tradisi Barat: Perkembangan dari Zaman Awal hingga Zaman Pertengahan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 9:5, hlm. 495 – 544, Mei 1999.
- Awang Sariyan, "Falsafah Bahasa dalam Tradisi Barat: Perkembangan dalam Zaman Moden" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 9:7, hlm. 578 – 594, Julai 1999.
- Awang Sariyan, "Penerapan Tasawur Islam dalam Linguistik" dlm. *Jurnal Pemikir*,

- hlm. 153 – 184, Julai – September 2002
- Awang Sariyan, 2005. *Syaran Raja Ali Haji Ke-14: Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Bloomfield, L., 1914. *An Introduction to the Study of Language*. New York: Holt.
- Bloomfield, L., 1993. *Language*. New York: Holt.
- Borgmann, A., 1974. *The Philosophy of Language*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Brown, H.D., 1987. *Principles of Language Learning and Teaching*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Chomsky, N. "A Review of B.F. Skinner's *Verbal Behavior*" dlm. *Language* 35:1, hlm. 26-58, 1959.
- Chomsky, N., 1964. *Current Issues in Linguistic Theory*. The Hague: Mouton.
- Chomsky, N., 1966(b). *Cartesian Linguistics*. New York: Harper and Row.
- Chomsky, N., "Recent Contributions to the Theory of Innate Ideas" dlm. *Synthese* 17, hlm. 2–11, 1967.
- Dineen, F.P., 1967. *An Introduction to General Linguistics*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Ducrot, O. dan Todorov, T., 1981, *Encyclopedic Dictionary of the Science of Language* United Kingdom: Basil Blackwell.
- Fodor, J.A. dan Katz, J.J., 1964. *The Structure of Language: Reading in the Philosophy of Language*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Fodor, J.A., 1978. *The Language of Thought*. Sussex: The Harvester Press.
- Fowler, S.R., 1978. *Understanding Language. An Introduction to Linguistics*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Halliday, M.A.K., 1973. *Explorations in the Functions of Language*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K., 1975. *Learning How to Mean*. London: Edward Arnold.
- Hashim Musa, "Teori Innateness dan Konsep Asyhadu: Penghuraian Bahasa, Akal, dan Ilmu" dlm. *Dewan Bahasa* 24:12, hlm. 66 – 78, 1980.
- Hashim Hj. Musa, 1994. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hossein Nasr, Seyyed, 1976, *Western Science and Asian Cultures*. New Delhi: Indian Council for Cultural Relations.
- Hymes, D., 1971. *On Communicative Competence*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Jespersen, Otto, 1922. *Language, Its Nature, Development, and Origin*. London: G. Allen.
- Kramer, J.L., 1986. *Philosophy in the Renaissance of Islam*. Leiden: E.J. Brill.
- Kress, G., 1976. *Halliday: System and Function in Language*. London: Oxford University Press.
- Lee, Book-mi. 1995. "Are Human Beings Endowed with Language Ability?" dlm. *Muslim Education Quarterly*, 12:4, hlm. 64–68, 1995.

- Lyons, J., 1970. *Noam Chomsky*. New York: The Viking Press.
- Lyons, J., 1992. *Bahasa dan Linguistik: Suatu Pengenalan*. Diterjemah oleh Ramli Salleh dan Toh Kim Hoi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J., 1993. *Bahasa dan Linguistik Teoretis*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan dkk. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Hamdi Zaqquq, 1989. *Orientalisme Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Akram A.M. Sa'Adeddin, 1995. "Towards a Model for Systematic Islamization: A General Linguistic Blueprint" dlm. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 12:3, hlm. 360–394, 1995.
- Muhammad Zainy Uthman, 1998. "Lata'If Al-Asrar Li-ahl Allah Al-atyar Karangan Nur Al-din Al-Raniri: Satu Tinjauan Epistemologi dan Falsafah Ilmunya" dlm. Hashim Awang AR et al., *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Muhsinmahdi, 1970. "Language and Logic in Classical Islam" dlm. G.E. Von Grunebaum (ed.). *Login in classical Islamic Literature*. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Nik Safiah Karim, 1993. *Pengajian Melayu Menjelang Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nikolay Milkov, 1972. "Philosophy of Language without Meaning, and without Language" dlm. Maxim Stamenov (ed.), *Current Advances in Semantic Theory*. Amsterdam: John Benjamins Pub. Co.
- Osman Bakar, 1992. *Classification of Knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Osman Bakar, "Ke Arah Menghidupkan Semula Epistemologi Islam" dlm. *Kesturi*, 5:2, hlm. 5 – 6, Disember 1995.
- Saussure, F. De., 1993. *Pengantar Linguistik Umum*. Diterjemah oleh Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Muhammad Syeed, 1989. "Islamization of Linguistics" dlm. *Toward Islamization of Disciplines*. U.S.A.: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Scruton, R., 1989. *Sejarah Ringkas Falsafah Moden daripada Descartes hingga Wittgenstein*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Searle, J.R., 1990. *Falsafah Bahasa*. Diterjemah oleh Azhar M. Simin. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skinner, B.F., 1974. *About Behaviorism*. New York: Knopf.
- Steinberg, D.D., 1990. *Psikolinguistik, Bahasa, Akal Budi dan Dunia*. Diterjemah oleh Azhar M. Simin. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus, 1993. *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, 1994. *Konsep Ilmu dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud, 1995. "Putaran Ganas Sufastaiyyah" dlm. *Dewan Budaya*. Mac 1995.

Zawawi Hj. Ahmad, 1988. "Pemikiran al-Ghazali: Pendidikan". Kertas kerja Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya, Akademi Islam Universiti Melaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 23–25 September 1988.